

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
PENERBITAN HASIL KERAJAAN

SAKINAH EDWI MOHD FERANGI

ABSTAK EKONOMI  
FAKULTI PENYUJUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI ALAMIA TERENGGANU

(DNT)

2009



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
PENERAJU HASIL KERAJAAN**

**SAKINAH BINTI MOHD REPANGI  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2009**

## PENAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4999 A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan telah dilampirkan.

Tarikh: 30/4/2009



SAKINAH BINTI MOHD REPANGI  
(UK 14505)

## DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4999 A/B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledged by giving explicit references in the appendix.

Date: 30/4/2009



SAKINAH BINTI MOHD REPANGI  
(UK 14505)

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan kertas projek latihan ilmiah (EKN 4999) tahun akhir dengan jayanya. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Muhammad Najit Bin Sukemi selaku penyelia projek latihan ilmiah tahun akhir yang telah memberikan kerjasama, pengetahuan, tunjuk ajar, kritikan dan sokongan moral di dalam menyiapkan projek latihan ilmiah tahun akhir.

Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang memperkenalkan kursus projek latihan ilmiah tahun akhir kepada siswa-siswi tahun akhir Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam). Ucapan terima kasih kepada perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang banyak memberikan maklumat yang diperlukan.

Akhir sekali, ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua ahli keluarga saya terutama mak saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan dan semangat dan membantu saya membuat kajian mengenai LHDNM semasa menyiapkan projek latihan ilmiah ini. Turut tidak dilupakan, rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa menyiapkan projek latihan ilmiah ini. Terima kasih dan semoga kita akan memperoleh kejayaan.

Sekian, Terima Kasih.

Sakinah Binti Mohd Repangi

No. 20 Jalan Mustika, Kg. Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, Johor

Darul Takzim.

[Ina86\\_purple@yahoo.com](mailto:Ina86_purple@yahoo.com)



## **ABSTRAK**

Penubuhan LHDNM membolehkan jentera pentadbiran beroperasi dengan lebih cekap dan berkesan di dalam meningkatkan keupayaan bukan sahaja dari segi produktiviti tetapi juga untuk mencapai kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui sistem pengurusan yang bercirikan fleksibiliti dan profesionalisme dan juga merupakan kesinambungan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk memastikan tidak berlaku kepincangan kepada prasarana jentera kerajaan yang sedia ada. LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran berkaitan dengan percukaian atau hasil lain yang telah ditentukan dan dipersetujui diantara kerajaan dan lembaga. Peningkatan cukai mungkin boleh dipengaruhi oleh pelbagai factor seperti kesan peningkatan pendapatan rakyat, pertambahan jumlah pembayar cukai dan faktor ekonomi semasa negara. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat peranan LHDNM sebagai peneraju hasil kerajaan persekutuan. Analisis ekonometrik digunakan untuk mendapatkan keputusan akhir bagi menjawab objektif kajian yang sebenar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa hasil kerajaan persekutuan mempunyai hubungan secara langsung dengan semua pembolehubah babs yang digunakan seperti cukai petroleum, cukai lain-lain, cukai pendapatan dan duti setem. Penemuan kajian menunjukkan bahawa hasil kerajaan persekutuan merupakan faktor penting di dalam peningkatan tingkat cukai pendapatan dan terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pungutan hasil kerajaan persekutuan.

Kata kunci: LHDNM, Hasil Kerajaan Persekutuan, cukai pendapatan, cukai petroleum, Duti setem dan cukai lain-lain

## **ABSTRACT**

LHDNM's establishment enable administrative machinery operates by more efficient and effective in enhance capability not only from productivity aspect but also to be achieved excellence in giving service to clients through with a character management system flexibility and professionalism and also is task continuity and responsibility need to be carried out to ensuring not happen bias to present government machinery infrastructure. LHDNM measures as government agent and give service in administration about tax or by-product predestination and agreed diantara government and board. Tax hike may be can be influenced by various factor such as increase effect citizens' income, taxpayer and economic factor number increase during country. Therefore, this study will see LHDNM's role as result lead federal government. Analysis econometric used to seek final decision to answer real objective of the study. Retrieval result research showed that federal government result having direct relationship by all variable Babs are used like petroleum tax, others, income tax and stamp duty tax. Discovery research showed that federal government result is important factor in floor increase income tax and there are other factors also influence federal government revenue collection.

Keyword: LHDNM, revenue federal government, petroleum tax, income tax, duty setem And others tax

## SENARAI KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>  | <b>Halaman</b> |
|---|----------------|
| <b>PENGAKUAN</b>  | <b>I</b>       |
| <b>PENGHARGAAN</b>  | <b>II</b>      |
| <b>ABSTRAK</b>  | <b>III</b>     |
| <b>ABSTRACT</b>   | <b>III</b>     |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>  | <b>IV</b>      |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>  | <b>VI</b>      |
| <b>SENARAI JADUAL</b>   | <b>VI</b>      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | <b>VI</b>      |
| <br>  |                |
| <b>BAB I            PENGENALAN</b>                              |                |
| <br>  |                |
| <b>1.1    Pengenalan</b>  | <b>1</b>       |
| <b>1.2    Permasalahan kajian</b>                               | <b>5</b>       |
| <b>1.3    Objektif kajian</b>                                   | <b>8</b>       |
| <b>1.4    Skop kajian</b>                                       | <b>8</b>       |
| <b>1.5    Kepentingan kajian</b>                                | <b>9</b>       |
| <b>1.6    Metodologi kajian</b>                                 | <b>11</b>      |
| <b>1.7    Organisasi kajian</b>                                 | <b>12</b>      |
| <b>1.8    Kesimpulan</b>  | <b>13</b>      |
| <br>  |                |
| <b>BAB II            LATAR BELAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS</b> |                |
| <br>  |                |
| <b>2.1    Pendahuluan</b>                                       | <b>14</b>      |
| <b>2.2    Latar belakang LHDNM</b>                              | <b>15</b>      |
| <b>2.3    Perkembangan Percukaian Negara</b>                    | <b>26</b>      |
| <b>2.4    Program yang dilaksanakan oleh LHDNM</b>              | <b>28</b>      |
| <b>2.5    Implikasi program yang dilaksanakan oleh LHDNM</b>    | <b>34</b>      |
| <b>2.6    Kajian Lepas</b>                                      | <b>35</b>      |
| <br>  |                |
| <b>BAB III            METODOLOGI KAJIAN</b>                     |                |
| <br>  |                |
| <b>3.1    Pendahuluan</b>                                       | <b>41</b>      |
| <b>3.2    Data dan set model kajian</b>                         | <b>42</b>      |
| <b>3.3    Model dan spesifikasi kajian</b>                      | <b>44</b>      |
| <b>3.4    Definisi pembolehubah</b>                             | <b>50</b>      |
| <b>3.5    Kesimpulan</b>  | <b>52</b>      |

|                 |  |           |
|-----------------|--|-----------|
| <b>BAB IV</b>   | <b>HASIL KAJIAN</b>                                |           |
| <b>4.1</b>      | <b>Pendahuluan</b>                                 | <b>53</b> |
| <b>4.2</b>      | <b>Analisis Regresi Mudah</b>                      | <b>54</b> |
| <b>4.3</b>      | <b>Ujian Punca Unit</b>                            | <b>55</b> |
| <b>4.4</b>      | <b>Ujian Ko-Integrasi Johansen</b>                 | <b>58</b> |
| <b>4.5</b>      | <b>Ujian Penganggaran Autoregresi Vektor (VAR)</b> | <b>59</b> |
| <b>4.6</b>      | <b>Ujian Sebab-Akibat VAR (Ujian Wald)</b>         | <b>63</b> |
| <b>4.7</b>      | <b>Kesimpulan</b>                                  | <b>64</b> |
| <br>            |  |           |
| <b>BAB V:</b>   | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>                        |           |
| <b>5.1</b>      | <b>Pendahuluan</b>                                 | <b>65</b> |
| <b>5.2</b>      | <b>Cadangan Penyelesaian</b>                       | <b>67</b> |
| <b>5.3</b>      | <b>Rumusan</b>                                     | <b>68</b> |
| <b>5.4</b>      | <b>Kesimpulan</b>                                  | <b>69</b> |
| <br>            |  |           |
| <b>RUJUKAN</b>  |  | <b>70</b> |
| <br>            |  |           |
| <b>LAMPIRAN</b> |  | <b>71</b> |



## SENARAI SINGKATAN

|              |                                       |
|--------------|---------------------------------------|
| <b>LHDNM</b> | – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia |
| <b>Rfg</b>   | - Hasil Kerajaan Persekutuan          |
| <b>Pt</b>    | - Cukai Petroleum                     |
| <b>Ot</b>    | - Cukai lain-lain                     |
| <b>Inct</b>  | - Cukai Pendapatan                    |
| <b>Ds</b>    | - Duti Setem                          |

## SENARAI JADUAL

|  | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| Jadual 2.1: Kutipan Cukai Langsung berbanding Hasil Kerajaan Persekutuan | <b>19</b>         |
| Jadual 2.2 : Pungutan Hasil mengikut kategori cukai                      | <b>21</b>         |
| Jadual 2.3 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai | <b>22</b>         |
| Jadual 4.1: Keputusan Ujian Punca Unit                                   | <b>46</b>         |
| Jadual 4.2 : Ujian Kointegrasi Johansen                                  | <b>49</b>         |
| Jadual 4.3: Ujian Sebab-Akibat VAR (Ujian Wald)                          | <b>54</b>         |

## SENARAI RAJAH

|  | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| Rajah 2.1 : Kutipan Cukai Langsung berbanding Hasil Kerajaan Persekutuan                             | <b>19</b>         |
| Rajah 2.2 : Pungutan hasil mengikut kategori cukai   | <b>21</b>         |
| Rajah2.3 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui bilangan kes diaudit  | <b>23</b>         |
| Rajah 2.4 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui bilangan kes selesai | <b>24</b>         |
| Rajah 2.5 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui cukai dan penalti    | <b>25</b>         |

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta LHDNM 1995 (Akta 533). Akta LHDNM 1995 memperuntukkan LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran berkaitan dengan percukaian atau hasil lain yang telah ditentukan dan dipersetujui diantara kerajaan dan lembaga.

Penubuhan LHDN adalah merupakan kesinambungan tugas dan tanggungjawab Jabatan Hasil yang perlu dilaksanakan untuk memastikan tidak berlaku kepincangan kepada prasarana jentera kerajaan yang sedia ada. Penubuhannya membolehkan jentera pentadbiran cukai langsung ini berjalan dengan lebih cekap dan berkesan di dalam meningkatkan keupayaan bukan sahaja dari segi produktiviti tetapi juga untuk mencapai kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui sistem pengurusan yang bercirikan fleksibiliti dan profesionalisme.

Aktiviti percukaian merupakan satu aktiviti yang menyumbang kepada hasil ekonomi negara yang terpenting dan merupakan penyumbang utama kepada Hasil Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia(LHDNM) yang bertanggungjawab sebagai ejen Kerajaan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara Kerajaan dan Lembaga.

Membayar cukai adalah tanggungjawab rakyat kepada negara dan sumber cukai adalah dari semua jenis hasil pendapatan dan boleh dipungut ke atas semua rakyat yang mempunyai pendapatan yang layak dicukai. Cukai bermaksud ditimpa atau dalam erti kata lain tekanan. Ini bermakna cukai adalah bayaran yang dikenakan oleh pemerintah kepada rakyat. Semua rakyat yang layak membayar cukai hendaklah melaksanakan tanggungjawab tersebut bagi sama-sama menyumbang untuk kepentingan kemajuan dan kemakmuran negara. Adalah menjadi tanggungjawab LHDNM untuk memastikan jentera pentadbiran percukaian berfungsi dengan sempurna bagi menjamin agar perkhidmatan percukaiannya dapat disampaikan dengan tepat , cepat dan berintegriti . Cukai yang dipungut akan diserahkan kepada pemerintah untuk diagihkan dan digunakan bagi membiayai semua aktiviti pemerintah di dalam menjalankan tadbir urus negara dan memenuhi keperluan rakyat.

Taksiran cukai adalah berdasarkan kadar cukai yang ditetapkan oleh pihak kerajaan yang diumumkan dalam belanjawan negara pada setiap tahun mengikut keperluan semasa. Jumlah kutipan cukai pada masa kini boleh dikatakan sebagai memuaskan dengan terkumpulnya pungutan cukai sebanyak RM74.703 bilion bagi tahun 2007. Peratusan jumlah kutipan adalah melebihi 50 peratus daripada pendapatan negara yang dapat mencerminkan bahawa aktiviti percukaian merupakan penyumbang utama kepada Hasil Kerajaan Persekutuan.

Pemungutan cukai yang tinggi dapat dilihat sebagai program perdana dan hasil kutipan cukai ini menjadi asas atau peneraju kepada dasar belanjawan negara terutamanya di dalam menyusun strategi dan rangka kerja bagi usaha-usaha untuk menangani dan membanteras kesan krisis ekonomi serta di dalam menentukan hala tuju pembangunan dan pembelaan terutamanya golongan berpendapatan rendah. Kutipan cukai yang tinggi amat bergantung kepada keupayaan LHDNM di dalam menetapkan visi dan misi dan seterusnya mengatur strategi yang dapat menjamin peningkatan hasil negara secara kekal dan berterusan. Diantara strategi yang dikenalpasti dan di amalkan adalah merancang dan seterusnya melaksanakan program percukaian yang diatur pada setiap tahun meliputi pengeluaran Borang Nyata kepada pembayar cukai, pemprosesan borang-borang, peningkatan khidmat pelanggan dan aktiviti pembesaran asas cukai. Perkara lain yang sentiasa diberi perhatian adalah merangkumi tindakan penyiasatan dan audit cukai serta mempergiatkan usaha pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang percukaian. Keupayaan aktiviti audit dan penyiasatan yang mantap akan membantu LHDNM meningkatkan pematuhan sukarela oleh pembayar cukai dan menghindari pelarian cukai.

Dalam usaha mencapai wawasan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, LHDNM sentiasa mengambil langkah proaktif di dalam setiap aktivitinya. Bagi aktiviti pungutan, usaha pemencaran aktiviti pungutan telah dilakukan pada tahun 2000, dimana Cawangan Pungutan yang sebelum ini hanya berpusat di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching telah diwujudkan juga di cawangan-cawangan LHDN di seluruh Malaysia. Pemencaran unit pungutan telah dilakukan secara berperingkat di mana sehingga tahun 2003 sebanyak 26 unit pungutan cawangan telah ditubuhkan berbanding hanya 23 unit pada tahun 2002. Tambahan 3 unit pungutan di cawangan-cawangan LHDNM tersebut adalah di Kuala Lumpur Bandar, Termerloh dan kaunter bergerak. Cawangan pungutan yang sedia ada di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, dan Kuching terus berfungsi sebagai cawangan pungutan utama.

LHDNM mempergiatkan usaha pungutan melalui pelbagai skim pemungutan yang diperuntukkan oleh undang-undang seperti skim bayaran ansuran Sistem Taksir Sendiri Syarikat dan individu bukan penggajian, skim ansuran Potongan Cukai Berjadual (PCB) bagi individu yang makan gaji dan cukai pegangan bagi mereka yang tidak bermastautin di Malaysia tetapi memperoleh pendapatan dari hasil kerjanya di Malaysia. LHDNM juga melaksanakan penguatkuasaan terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai dalam tempoh yang ditetapkan melalui pengenaan penalti lewat bayar dan disusuli dengan tindakan mahkamah atau tindakan larangan ke luar Negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen. Keupayaan aktiviti audit dan penyiasatan yang mantap akan membantu LHDNM meningkatkan pematuhan sukarela oleh pembayar cukai terhadap undang-undang cukai.

Sejajar dengan usaha kerajaan meningkatkan penggunaan perkhidmatan elektronik dalam semua urusan, LHDNM telah memberikan tumpuan lebih khusus kepada perkhidmatan elektronik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai. Diantaranya ialah penghantaran borang cukai pendapatan melalui khidmat e- filing dan mempelbagaikan saluran kemudahan pembayaran cukai dengan memperkenalkan kaedah bayaran cukai secara 'Financial Process Exchange'(FPX), kad kredit dan Automated Teller Machine (ATM) , serta melalui bank-bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan bayaran cukai melalui kemudahan pembayaran cukai di kaunter cawangan bank masing-masing termasuk kemudahan pembayaran secara elektronik melalui portal perbankan.



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Di dalam melihat senario kutipan komponen cukai langsung, kutipan cukai langsung bagi tahun 2003 daripada komponen individu, petroleum, dan duti setem menunjukkan sumbangan yang meningkat iaitu 17.68 peratus, 19.77 peratus dan 4.69 peratus masing-masing berbanding dengan tahun 2002 iaitu 13.57 peratus, 17.23 peratus, dan 3.99 peratus. Komponen cukai langsung daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) menurun iaitu sebanyak 0.62 peratus berbanding 0.78 peratus pada tahun 2002. Lain-lain cukai menunjukkan sumbangan 3.16 peratus dalam tahun 2002. Komponen cukai pendapatan syarikat kekal sebagai penyumbang utama dengan kutipan RM23.16 bilion atau 54.0 peratus daripada jumlah keseluruhan sumbangan cukai langsung 2003. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelum di mana cukai langsung syarikat menyumbang 27.38 peratus.

Analisis keseluruhan menunjukkan peningkatan dalam pungutan bagi setiap komponen *Cukai Langsung* pada tahun 2006 berbanding tahun 2005. Peningkatan tertinggi kutipan cukai dicatatkan melalui cukai pendapatan petroleum yang telah meningkat sebanyak 40.87%. Peningkatan pungutan komponen-komponen cukai lain diperoleh melalui kutipan cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu, serta duti setem sebanyak 8.41%, 1.83%, dan 1.95%. Cukai pendapatan koperasi pula meningkat sebanyak 196.85% dan pungutan CKHT pula telah meningkat sebanyak 3.39%. Sementara itu, peningkatan bagi pungutan cukai pegangan pula ialah 16.05%. Walau bagaimanapun terdapat penurunan sebanyak 22.43% bagi pungutan cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan dan komponen-komponen cukai lain sebanyak 15.06%.

Umumnya, pungutan cukai langsung oleh LHDNM kepada kerajaan Persekutuan meningkat dari setahun ke setahun. Aktiviti pemungutan hasil dari cukai langsung pada tahun 1997 telah menunjukkan prestasi yang sangat baik di mana pungutan bersih pada tahun berakhir 1997 telah mencatatkan jumlah RM30,475.89 juta. Penyumbang utama kepada cukai langsung bagi tahun 1997 adalah dari cukai pendapatan syarikat sebanyak 54.75 peratus atau sejumlah RM16,684.99 juta diikuti oleh cukai pendapatan persendirian sebanyak 21.43 peratus atau sejumlah RM6531.56 juta. Seterusnya, cukai pendapatan syarikat meningkat kepada RM21,582 juta bagi tahun 2001 iaitu pertambahan sebanyak 0.29 kali ganda berbanding dengan tahun 1997, manakala cukai pendapatan persendirian meningkat kepada RM7629 juta bagi tahun 2001 iaitu pertambahan sebanyak 0.168 kali ganda berbanding dengan tahun 1997, walaupun berlaku penurunan kepada cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan persendirian masing-masing mencatatkan sebanyak RM15,287 juta dan RM6447 juta pada tahun 1999. Jumlah kutipan terus meningkat kepada RM56,855 juta pada akhir tahun 2005. Tren yang sama dilaporkan bagi kategori cukai langsung iaitu cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu. Bagi cukai pendapatan syarikat, pada tahun 1998, jumlah pemungutan cukai adalah sebanyak RM17,331 juta meningkat kepada RM28,058.05 juta pada tahun 2005.

Prestasi kutipan cukai LHDNM merupakan petunjuk kejayaan LHDNM dalam menjalankan peranannya sebagai ejen pentadbir cukai langsung Negara. Persoalannya bagaimanakah LHDNM mengatur strategi dan memainkan peranan di dalam mengekalkan prestasi yang baik dalam mentadbir dan memungut Cukai Langsung negara.

Sebagai kerajaan yang prihatin adalah menjadi hasrat kerajaan untuk tidak menjadikan pembayaran cukai pendapatan sebagai satu bebanan kepada rakyat. Justeru itu, kerajaan sentiasa mengkaji dan menyemak semula kadar cukai atau struktur kadar cukai dari masa ke semasa di mana perubahan yang ada akan diumumkan oleh kerajaan melalui pembentangan belanjawan pada setiap tahun. Pada umumnya kadar cukai pendapatan sentiasa menunjukkan penurunan.

Selain dari itu pelbagai insentif juga ditawarkan kepada syarikat yang melabur di Malaysia bagi mendapatkan pengurangan cukai. Langkah sedemikian adalah perlu bagi membolehkan kerajaan lebih berdaya saing atau sekurang kurangnya berdaya untuk mengekalkan persaingan bukan sahaja untuk merangsang lagi pertumbuhan ekonomi tetapi juga meningkatkan pelaburan sektor swasta. Di dalam usaha kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan menentukan agihan kekayaan secara saksama ini maka perlaksanaannya melibatkan perubahan kepada perundangan percukaian yang secara langsung memberi kesan kepada penaksiran dan pungutan cukai. Pada masa yang sama, sebagai jentera utama yang menyumbang hasil kerajaan persekutuan, adalah perlu untuk LHDNM memastikan peningkatan kutipan cukai yang berterusan. Setiap strategi pungutan hasil semestinya bukan sahaja dapat mengekalkan pungutan hasil tetapi diharapkan dapat memungut hasil melebihi jangkaan yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun.

Peningkatan cukai mungkin boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Di antaranya cukai yang tinggi dapat dipungut kesan peningkatan pendapatan rakyat yang sama yang telah terlibat atau yang sedia layak dikenakan cukai pada setiap tahun. Ini dapat dibezakan daripada keadaan di mana peningkatan jumlah cukai terjadi akibat daripada pertambahan jumlah pembayar cukai. Peningkatan atau penurunan cukai boleh juga terjadi kesan dari faktor lain terutama faktor ekonomi semasa negara. Walaubagaimanapun pendekatan pengurusan cukai yang efektif dan proaktif dengan pelbagai inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh LHDNM dapat dilihat sebagai pemangkin untuk menjana prestasi hasil yang cemerlang. Bertitik tolak dari persoalan ini, maka adalah suatu yang menarik untuk mengkaji faktor faktor yang memberi kesan terhadap keupayaan LHDNM di dalam menjalankan peranannya.

### **1.3 OBJEKTIF**

#### **OBJEKTIF UMUM:**

Objektif umum di dalam kajian ini adalah untuk menilai peranan LHDNM di dalam mengendalikan komponen cukai langsung

#### **OBJEKTIF KHUSUS:**

- 1) Mengenalpasti perubahan atau penurunan kadar cukai oleh kerajaan dan ekonomi semasa negara sama ada memberi kesan atau tidak terhadap jumlah pemungutan cukai oleh LHDNM
- 2) Mengenalpasti peningkatan atau penurunan hasil kutipan cukai langsung oleh LHDNM.
- 3) Mengkaji faktor faktor lain yang mempengaruhi peningkatan atau penurunan hasil cukai dan tindakan LHDNM di dalam di dalam memastikan kutipan cukai sentiasa berada di tahap yang tinggi.

### **1.4 SKOP KAJIAN**

Di dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh LHDNM sebagai organisasi pemungut hasil Kerajaan Persekutuan di dalam mencapai halatuju untuk menjadi peneraju dalam bidang pentadbiran percukaian dan penyumbang utama kepada pendapatan negara.. Kajian adalah lebih tertumpu kepada senario pemungutan komponen cukai langsung dan faktor-faktor yang menyumbang dan mempengaruhi pemungutan cukai ini. Kajian adalah meliputi keseluruhan negeri di Malaysia dengan data sampel ini dilakukan yang diperolehi daripada ibu pejabat LHDNM. Fokus kajian menumpukan kepada tiga komponen cukai terbesar iaitu cukai pendapatan (syarikat dan individu), cukai pendapatan petroleum dan duti setem. Lain lain cukai adalah dirangkumkan di dalam satu kelompok merangkumi cukai keuntungan harta tanah, persatuan, duti harta pesaka , keluarga sekutu hindu dan lain lain cukai.

Bagi mencapai objektif di atas , analisis kajian dibuat dengan mengambil sampel jumlah hasil kerajaan persekutuan berbanding kutipan yang diperolehi bagi tempoh dua puluh satu tahun iaitu dari tahun 1986 sehingga tahun 2006. Data yang digunakan adalah data sekunder di mana sumber data adalah daripada Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Penyata Hasil Tahunan Jabatan Pungutan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Rancangan Malaysia kelapan (RMK-8), Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian, kesan pemungutan komponen cukai langsung, kesan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai dan kesan pencegahan cukai melalui audit cukai dan siasatan akan dapat menilai kecekapan LHDNM dalam mengendalikan komponen cukai langsung. Ini dapat ditunjukkan melalui pelaksanaan program pematuhan yang bertujuan untuk memantapkan pematuhan sukarela pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian di samping menjamin kejayaan Sistem Taksir Sendiri (STS). Program pengauditan yang berkesan membantu mewujudkan kesedaran pembayar cukai bahawa mereka kemungkinan akan diaudit pada masa akan datang. Kesedaran tersebut dan penalti yang mungkin dikenakan menjadi faktor di dalam mengurangkan kecenderungan pelarian cukai.



LHDNM meneruskan kecemerlangan dalam tahun 2005 dengan berjaya mengutip cukai langsung berjumlah RM56.85 bilion dan untuk pertama kalinya, kutipan telah berjaya melepasi tahap psikologi RM50 bilion. Jumlah kutipan ini merupakan 53.5 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2005. Kesemua aktiviti ini telah dimantapkan melalui kemajuan dan inovasi sistem teknologi maklumat LHDNM yang melibatkan STS syarikat dan selain syarikat, pemprosesan, pungutan, pengauditan dan penyiasaan. Peningkatan pungutan cukai langsung bagi tahun 2005 juga diperkukuhkan oleh keadaan ekonomi pada tahun 2005 yang kekal mampan pada kadar pertumbuhan 5.0 peratus. Keadaan ini mewujudkan iklim perniagaan yang kondusif kepada semua sektor ekonomi.

Antara tindakan-tindakan LHDNM adalah melalui penguatkuasaan undang-undang percukaian terus dipergiatkan melalui program penyiasaan dan pendakwaan di mahkamah yang bertujuan untuk mencegah pengelakan dan pelarian cukai. Di samping itu juga, lawatan dari rumah ke rumah dipergiatkan untuk menyampaikan sama ada notis akhir, saman atau notis tuntutan cukai pendapatan atau membayar cukai yang tertunggak. Penggunaan prosedur percukaian yang efisien dapat menjamin peningkatan produktiviti LHDNM dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi pungutan cukai langsung negara.

Kajian ini penting untuk dilaksanakan bagi melihat peranan LHDNM di dalam memungut hasil Kerajaan Persekutuan untuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan keadaan ekonomi negara yang amat memberangsangkan.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Objektif kajian ini dapat dicapai sekiranya data-data yang dikumpulkan, disusun dan dianalisis secara kolektif dan terperinci. Data-data juga diperolehi daripada kajian literature iaitu melalui pembacaan bahan-bahan bercetak seperti buku-buku rujukan, majalah, jurnal, kertas seminar, statistik dan keratan-keratan akhbar tempatan. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan perisian E-Views. Di dalam menggunakan perisian E-Views ini, ujian-ujian yang akan dilaksanakan secara umumnya adalah Ujian Punca Unit, Ujian Kointegrasi, Ujian Penganggaran Vektor Autoregresi (VAR) dan Ujian Sebab-Akibat VAR. Bentuk persamaan adalah seperti di bawah:

$$\ln RFG_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln PT_t + \alpha_2 \ln INCT_t + \alpha_3 \ln DS_t + \alpha_4 \ln OT_t + \mu_t$$

di mana:

t = siri masa

$\alpha$  = Pekali yang dianggarkan

$\mu$  = Sebutan ralat

RFG = Hasil Kerajaan Persekutuan

PT = Cukai Petroleum

INCT = Cukai Pendapatan

DS = Duti Setem

OT = Cukai lain-lain

## **1.7 ORGANISASI KAJIAN**

Organisasi kajian ini merangkumi 5 bab. Bab I lebih menerangkan kepada pengenalan kajian secara umum di mana bab I ini merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian yang terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian, jangkaan keputusan dan kesimpulan.

Bab II pula lebih menerangkan kepada latar belakang kajian dan kajian lepas. Bab II ini merangkumi pengenalan secara keseluruhan mengenai kajian-kajian lepas, di samping itu, bab II juga merangkumi penerangan tajuk di mana penerangan tajuk ini lebih tertumpu kepada penerangan kajian ini secara keseluruhannya daripada pengertiannya, peranan kajian ini dan kesimpulan secara keseluruhan penerangan tajuk ini. Kajian lepas merupakan komponen yang sangat penting di dalam bab II di mana kajian lepas dapat diperolehi melalui sumber jurnal, artikel, buku dan lain-lain. Di dalam komponen kajian lepas yang diperolehi daripada jurnal adalah lebih tertumpu kepada siapa yang mengkaji, bila dia kaji, apa yang dikaji, apa hasil kajian dan apa kesimpulannya.

Bab III merupakan bab yang lebih menerangkan kepada metodologi kajian. Metodologi kajian perlu mempunyai sumber jurnal yang paling utama dan yang paling berkaitan dengan tajuk kajian. Di dalam metodologi kajian, terdapat pengenalan, penerangan kaedah kajian, model kajian dan juga definisi pembolehubah.

Bab IV pula lebih menerangkan kepada keputusan kajian. Keputusan kajian di sini bermaksud apakah hasil yang diperolehi setelah kita memperolehi data dan menganalisis data tersebut. Manakala bab V pula menerangkan kepada kesimpulan di mana kesimpulan ini merupakan ulasan secara ringkas secara keseluruhan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

## **1.8 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, aktiviti percukaian merupakan penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Persekutuan dan LHDNM adalah jentera pentadbiran percukaian yang telah dilantik. Melalui Laporan Ekonomi 1996/1997, Kementerian Kewangan menunjukkan peningkatan sebanyak 13.80 peratus di mana amaun pungutan bagi tahun 1996 adalah berjumlah RM25.805 ribu juta dan merupakan 45.7 peratus dari hasil negara.

Setiap tahun, berlaku tren di dalam pungutan cukai langsung kepada Kerajaan Persekutuan dan secara keseluruhannya adalah menunjukkan tren peningkatan jumlah pemungutan cukai langsung oleh LHDNM.

## **BAB II**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini adalah berkaitan dengan dokumen atau karya yang mengulas secara menyeluruh kerja-kerja terdahulu yang telah diterbitkan dan berkaitan dengan bidang yang diselidiki. Kajian ini penting bagi menyokong dan membantu untuk mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Di samping itu, ulasan jurnal lebih tertumpu kepada data secara sekunder dan ada sesetengahnya menggunakan soal selidik di dalam menjalankan penyelidikan. Ia juga memberi asas yang baik di dalam membina rangka kerja penyelidikan.



## 2.2 LATAR BELAKANG LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta LHDNM 1995 (Akta 533). Akta LHDNM 1995 memperuntukkan LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan mengenai perkara yang berkaitan dengan cukai atau hasil lain-lain di bawah semua Akta yang ditadbir oleh LHDNM. Antara fungsi LHDNM adalah :

- 1) Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan lembaga.
- 2) Menasihati kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubung percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan mengenai perkara-perkara tersebut.
- 3) Menyertai mesyuarat, perbincangan, dan perjanjian mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara.
- 4) Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang patut dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Dengan ini tahun 1996 menjadi saksi kepada satu evolusi bersejarah bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri apabila bertukar menjadi sebuah badan berkanun dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Transformasi ini membuktikan bahawa kerajaan menghargai pengurusan organisasi ini di dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pemungutan cukai.

Tahun 1998 adalah merupakan tahun yang sukar dan amat mencabar kepada LHDNM apabila organisasi terpaksa menyusun semula strategi dan mengambil langkah serta-merta untuk mengurangkan kesan dari kegawatan ekonomi kepada kutipan hasil di samping mempertahankan strategi jangka panjang dan fokusnya untuk menjadi pentadbir percukaian terunggul di rantau ini.

Susulan dari tindakan tersebut dan keutamaan yang diberi kepada langkah-langkah peningkatan kutipan hasil, penyelesaian kerja taksiran dan pengurangan tunggakan hasil telah mendatangkan kesan positif dan mengekalkan kemampuan organisasi untuk memungut cukai langsung. Dalam keadaan ekonomi yang menampakkan petanda pemulihan, LHDNM mampu mengulangi kejayaan seperti tahun-tahun yang lepas. Jentera pungutan LHDNM akan mengatur strategi dan bertindak dengan lebih kreatif bagi memastikan aliran kemasukan bayaran adalah konsisten manakala perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran dilakukan dengan lebih efisien.

Kerajaan Malaysia melalui LHDNM telah menyediakan pelan cukai melalui kadar cukai berbeza dikalangan pembayar cukai mengikut kelompok atau komponen pembayar cukai seperti berikut:

1. Syarikat - kadar cukai tetap.
2. Individu pemastautin - kadar cukai berskala.
3. Individu bukan pemastautin - kadar cukai tetap
4. Cukai pendapatan petroleum - kadar cukai tetap.
5. Lain lain kelompok pembayar cukai, bayaran cukainya adalah mengikut kadar tetap tertentu yang telah ditetapkan peratusannya mengikut kumpulan pembayar cukai masing masing.

Kadar tetap merujuk kepada pengenaan cukai atas peratusan tetap tertentu dari pendapatan bercukai pembayar cukai, manakala kadar skala adalah satu kaedah pengenaan cukai pada kadar yang berbeza (disediakan dalam satu struktur atau jadual kadar cukai) bergantung kepada pendapatan bercukai setiap individu tersebut.

Pengenaan cukai sama ada dengan kadar tetap atau kadar skala melalui struktur kadar cukai yang ditentukan oleh kerajaan ini adalah sesuatu yang dinamik dan akan berubah mengikut keperluan semasa. Perubahan yang berlaku akan diumumkan oleh kerajaan melalui pembentangan belanjawan pada setiap tahun.

Pada umumnya atau melalui analisa yang dijalankan didapati kadar cukai pendapatan sentiasa menunjukkan penurunan. Langkah sedemikian adalah perlu bagi membolehkan kerajaan lebih berdaya saing atau sekurang kurangnya boleh mengekalkan persaingan bukan sahaja untuk merangsangkan lagi ekonomi tetapi juga meningkatkan pelaburan sektor swasta. Pada masa yang sama usaha sebegini akan dapat meringankan beban cukai golongan berpendapatan rendah.

Sebagai jentera utama yang menyumbang hasil kepada Kerajaan Persekutuan, maka adalah perlu untuk LHDNM memastikan peningkatan kutipan cukai yang berterusan selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara. Setiap strategi LHDNM seharusnya akan menuju ke arah mempercepatkan jentera pungutan hasil cukai dalam usaha untuk mencapai pungutan hasil seperti atau melebihi jangkaan yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun.

Perubahan ketara dalam pelaksanaan sistem percukaian telah berlaku pada tahun 2000 bila mana sistem percukaian sedia ada pada ketika itu iaitu sistem taksiran berasaskan tahun sebelum (TBTS) telah ditukar kepada sistem taksiran berasaskan tahun semasa (STTS). Taksiran tahun sebelum bermaksud cukai yang dikenakan pada sesuatu tahun adalah berasaskan kepada pendapatan yang diperolehi dalam tahun sebelumnya. Sebagai contoh pendapatan pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1998 akan dikenakan cukai pendapatan dalam tahun 1999 iaitu Tahun Taksiran 1999. Taksiran tahun semasa pula bermaksud pendapatan yang diperolehi dalam tahun semasa akan dikenakan cukai dalam tahun yang sama. Tindakan ini adalah diantara langkah kerajaan dalam memodenkan dan memperkemaskan lagi sistem pentadbiran cukai langsung serta membolehkan kutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dalam memastikan aliran tunai kerajaan melalui cukai langsung dapat menggambarkan prestasi ekonomi semasa.

Perubahan sistem percukaian berlaku sekali lagi dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS) yang telah bermula pada tahun 2001 bagi pembayar cukai syarikat dan pada tahun 2004 bagi pembayar cukai selain syarikat. Melalui sistem ini setiap pembayar cukai adalah dikehendaki mengira dan menentukan sendiri amaun cukai yang perlu dibayar dan membayar cukainya dalam tempoh yang ditetapkan di dalam Akta Cukai Pendapatan. Setiap pembayar cukai dikehendaki mengemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri suatu penyata di dalam borang yang ditetapkan yang menunjukkan pendapatan bercukai dan cukai yang perlu dibayar ke atas pendapatan tersebut disamping maklumat lain yang diperlukan. Seperti sistem STTS, sistem ini juga adalah salah satu langkah kerajaan dalam memodenkan dan memperkemaskan lagi sistem pentadbiran cukai langsung. Dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri ini maka tumpuan kepada aktiviti audit dan penyiasatan akan lebih mantap bagi membantu LHDNM dalam usaha untuk meningkatkan pematuhan sukarela oleh pembayar cukai terhadap undang-undang cukai. Pematuhan sukarela oleh pembayar cukai adalah merupakan pra-syarat kepada kejayaan sistem taksir sendiri yang sedang dilaksanakan oleh pihak LHDNM pada masa ini.

Pelaksanaan STTS dan STS secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini adalah di antara langkah Kerajaan dalam memodenkan dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai langsung serta membolehkan pengutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan menggambarkan prestasi ekonomi semasa. Adalah menjadi tanggungjawab LHDN meningkatkan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai kepada undang-undang cukai yang merupakan pra-syarat kepada kejayaan pelaksanaan STS. Ini bermakna LHDN mesti mempergiatkan program pembelajaran, kesedaran dan pematuhan melalui aktiviti penerangan, tinjauan luar (street survey) dan audit cukai.

## **KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN**


**Jadual 2.1: Kutipan Cukai Langsung berbanding Hasil Kerajaan Persekutuan**

| TAHUN | Hasil Kerajaan Persekutuan (RM bilion) | Kutipan Cukai Langsung (RM bilion) | Peratus atas hasil Kerajaan Persekutuan (%) |
|-------|--|------------------------------------|---|
| 1997  | 65.74                                  | 30.48                              | 46.36                                       |
| 1998  | 56.71                                  | 29.98                              | 52.86                                       |
| 1999  | 58.68                                  | 27.05                              | 46.09                                       |
| 2000  | 61.86                                  | 29.17                              | 47.15                                       |
| 2001  | 79.57                                  | 41.79                              | 52.52                                       |
| 2002  | 83.52                                  | 44.32                              | 53.07                                       |
| 2003  | 92.61                                  | 42.82                              | 46.24                                       |
| 2004  | 99.4                                   | 48.63                              | 48.92                                       |
| 2005  | 106.3                                  | 56.85                              | 53.48                                       |

**Sumber : Laporan Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**



**Rajah 2.1: Kutipan Cukai Langsung berbanding Hasil Kerajaan Persekutuan**



**Sumber: Laporan Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**

Graf bar di atas menunjukkan kutipan cukai langsung berbanding hasil kerajaan persekutuan dengan peratusan (%) hasil kerajaan Persekutuan. Sebelum LHDNM dilembagakan sebagai badan berkanun di antara tahun 1991 sehingga tahun 1995, kutipan cukai langsung kepada hasil kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan begitu juga hasil kerajaan Persekutuan juga menunjukkan peningkatan. Contohnya, pada tahun 1991 dan 1992 masing-masing mencatatkan pungutan cukai langsung sebanyak RM13.25 bilion dan RM15.41 bilion, manakala hasil kerajaan Persekutuan pula masing-masing mencatatkan sebanyak RM34.50 bilion dan RM39.25 bilion di mana peratusan atas hasil kerajaan Persekutuan masing-masing mencatatkan sebanyak 38.90 peratus dan 39.20 peratus. Tahun 1994 dan 1995 juga menunjukkan peningkatan yang amat ketara di mana masing-masing mencatatkan pungutan cukai langsung berjumlah RM20.12 bilion dan RM22.67 bilion, manakala hasil kerajaan Persekutuan pula masing-masing mencatatkan sebanyak RM49.31 bilion dan RM51.99 bilion di mana peratusan atas hasil kerajaan Persekutuan masing-masing mencatatkan sebanyak 40.80 peratus dan 43.60 peratus.



Selepas LHDNM dilembagakan sebagai badan berkanun di antara tahun 1996 sehingga tahun 2005, kutipan cukai langsung kepada hasil kerajaan Persekutuan dan hasil kerajaan Persekutuan menunjukkan tren turun naik. Contohnya, pada tahun 1996 dan tahun 1997 masing-masing mencatatkan pungutan cukai langsung sebanyak RM25.85 bilion dan RM30.48 bilion, manakala hasil kerajaan Persekutuan pula masing-masing mencatatkan sebanyak RM61.28 bilion dan RM65.74 bilion di mana peratusan atas hasil kerajaan Persekutuan masing-masing mencatatkan sebanyak 42.18 peratus dan 46.36 peratus. Bagi tahun 1998 dan tahun 1999, beberapa bahagian menunjukkan penurunan pungutan cukai langsung masing-masing mencatatkan sebanyak RM29.98 bilion dan RM27.05 bilion manakala hasil kerajaan persekutuan juga menunjukkan penurunan masing-masing mencatatkan sebanyak RM56.71 bilion dan RM58.68 bilion dan peratusan atas hasil kerajaan Persekutuan masing-masing mencatatkan sebanyak 52.86 peratus dan 46.09 peratus.


## PUNGUTAN HASIL MENGIKUT KATEGORI CUKAI

**Jadual 2.2 : Pungutan Hasil mengikut kategori cukai**

| Tahun | Cukai Syarikat<br>(RM juta) | Cukai Individu<br>(RM juta) | Cukai Petroleum<br>(RM juta) | Duti setem<br>(RM juta) |
|-------|-----------------------------|-----------------------------|------------------------------|-------------------------|
| 1997  | 16,685                      | 6,532                       | 3,861                        | 2,718                   |
| 1998  | 17,332                      | 6,869                       | 4,046                        | 1,161                   |
| 1999  | 15,287                      | 6,447                       | 3,320                        | 1,553                   |
| 2000  | 13,980                      | 6,140                       | 6,010                        | 1,788                   |
| 2001  | 21,582                      | 7,629                       | 9,858                        | 1,646                   |
| 2002  | 27,383                      | 6,095                       | 7,636                        | 1,770                   |
| 2003  | 23,161                      | 7,572                       | 8,466                        | 2,007                   |
| 2004  | 24,558                      | 9,471                       | 10,717                       | 2,377                   |
| 2005  | 28,058                      | 10,223                      | 14,676                       | 2,485                   |

**Sumber: Laporan Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan Malaysia,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Rajah 2.2 : Pungutan hasil mengikut kategori cukai**



**Sumber: Laporan Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Graf bar di atas menunjukkan pungutan hasil mengikut kategori cukai. Kategori cukai terdiri daripada cukai syarikat, cukai individu, cukai petroleum dan duti setem. Sebelum LHDNM dilembagakan dan sebelum diistiharkan sebagai badan berkanun, bagi tahun 1993, bagi cukai syarikat, cukai individu, cukai petroleum dan duti setem masing-masing mencatatkan sebanyak RM8799.60 juta, RM4023.80 juta, RM2984.80 juta dan RM1388.90 juta. Manakala, bagi tahun 1994, semua kategori cukai mengalami peningkatan kecuali cukai petroleum mengalami penurunan di mana masing-masing mencatatkan RM10561.63 juta, RM4582.63 juta, RM2210.76 juta dan RM2463.09 juta.

Selepas LHDNM dilembagakan dan selepas diistiharkan sebagai badan berkanun, bagi tahun 2000, bagi cukai syarikat, cukai individu, cukai petroleum dan duti setem masing-masing menunjukkan jumlah sebanyak RM13,980 juta, RM6,140 juta, RM6,010 juta dan RM1,788 juta. Manakala, bagi tahun 2001, semua kategori cukai mengalami peningkatan di mana masing-masing mencatatkan RM21,582 juta, RM7,629 juta, RM9,858 juta dan RM1,646 juta.


## PEMATUHAN DAN PENCEGAHAN MELALUI AUDIT CUKAI

**Jadual 2.3 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai**

| TAHUN | Bilangan kes diaudit (kes) | Bilangan kes selesai (kes) | Cukai dan Penalti (RM juta) |
|-------|----------------------------|----------------------------|-----------------------------|
| 1997  | 811                        | 694                        | 20,418                      |
| 1998  | 1045                       | 706                        | 100,400                     |
| 1999  | 2108                       | 1148                       | 35,100                      |
| 2000  | 3827                       | 1337                       | 41,415                      |
| 2001  | 1826                       | 1604                       | 51,254                      |
| 2002  | 1926                       | 1850                       | 77,031                      |
| 2003  | 2679                       | 2462                       | 182,592                     |
| 2004  | 6439                       | 4657                       | 429,307                     |
| 2005  | 9405                       | 7204                       | 635,402                     |


**Sumber: Laporan Ekonomi 2004/2005, Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Rajah 2.3 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui bilangan kes diaudit**




Carta pai di atas menunjukkan aktiviti pematuhan dan pencegahan melalui audit cukai melalui bilangan kes diaudit. Semua tahun menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 1997 sehingga tahun 2000, tetapi mengalami penurunan pada tahun 2001 sehingga tahun 2003 dan meningkat semula pada tahun 2004 dan tahun 2005. Pada tahun 1997 sehingga tahun 2000, bilangan kes diaudit masing-masing mencatatkan sebanyak 811, 1045, 2108, dan 3827 kes. Manakala, bagi tahun 2001 sehingga tahun 2003 masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 1826, 1926 dan 2679 kes, dan meningkat semula pada tahun 2004 dan 2005 di mana masing-masing mencatatkan bilangan kes diaudit sebanyak 6439 dan 9405 kes.

**Rajah 2.4 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui bilangan kes selesai**



Carta pai di atas menunjukkan aktiviti pematuhan dan pencegahan melalui audit cukai melalui bilangan kes yang dapat diselesaikan. Semua tahun menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 1997 sehingga tahun 2005, di mana masing-masing mencatatkan bilangan kes yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 694, 706, 1148, 1337, 1604, 1850, 2462, 4657 dan 7204 kes.

**Rajah 2.5 : Aktiviti pematuhan dan pencegahan cukai melalui audit cukai melalui cukai dan penalti**



Carta pai di atas menunjukkan aktiviti pematuhan dan pencegahan melalui audit cukai melalui cukai dan penalti yang dikenakan. Semua tahun menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 1997 sehingga tahun 2005, tetapi mengalami penurunan pada tahun 1999 sehingga tahun 2002. Pada tahun 1997 sehingga tahun 2003, 2004 dan 2005, cukai dan penalti yang dikenakan masing-masing mencatatkan sebanyak RM20,481 juta, RM100,400 juta, RM182,592 juta, RM429,307 juta dan RM635,402 juta. Manakala, bagi tahun 1999 sehingga tahun 2002, masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak RM35,100 juta, RM41,415 juta, RM51,254 juta dan RM77,031 juta.



## **2.3 PERKEMBANGAN PERCUKAIAN NEGARA**

Cabaran awal adalah bagi hasil yang melebihi 45 peratus kepada hasil pendapatan kerajaan Persekutuan pada setiap tahun. Bagi tahun 2000, LHDN telah mencatatkan kutipan cukai sejumlah RM29.17 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 7.8 peratus daripada tahun 1999. Ini adalah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 7.5 peratus. Pada keseluruhannya, hasil cukai langsung meningkat daripada RM27 bilion dalam tahun 1999 kepada RM29 bilion. Kutipan hasil bertambah baik selaras dengan pemulihan ekonomi yang terus mantap. Ekonomi Malaysia telah kembali kukuh pada tahun 2000 selepas pulih daripada krisis kewangan yang mula melanda negara dalam tahun 1997.

Tahun 2001 telah menunjukkan kenaikan pungutan cukai langsung sebanyak RM43.29 peratus berbanding tahun sebelumnya. Jumlah ini telah berjaya meningkatkan sumbangan LHDNM sebanyak 52.53 peratus kepada hasil kerajaan Persekutuan. Pendekatan pengurusan cukai yang efektif dan proaktif dengan pelbagai inisiatif strategik yang diperkenalkan sepanjang tahun telah memungkinkan prestasi hasil yang cemerlang. Prestasi LHDN terus bertambah baik dalam tahun 2002. Pungutan cukai langsung telah terus meningkat sebanyak 6.05 peratus daripada RM41.79 bilion kepada RM44.32 bilion. Peningkatan yang menggalakkan ini adalah hasil gigih LHDN melaksanakan pelbagai langkah bukan sahaja untuk menambah pungutan hasil, malah untuk mengurangkan kebocoran hasil.

Tahun 2003 memberi cabaran kepada LHDNM dengan penetapan sasaran kutipan cukai yang semakin meningkat. Dengan tumpuan khusus kepada aktiviti meningkatkan kutipan hasil, LHDNM telah berjaya mengutip cukai berjumlah RM42.82 bilion yang merupakan 46.24 peratus dari hasil keseluruhan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2003, namun menurun sebanyak 3.39 peratus berbanding kutipan tahun 2002.



LHDNM berjaya menyumbang sebanyak RM48.63 bilion cukai langsung kepada hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2004. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 13.58 peratus berbanding pungutan sebanyak RM42.82 bilion dalam tahun 2003. Pertumbuhan KDNK tahun 2004 pada kadar 7.1 peratus berbanding 5.3 peratus dalam tahun 2003 juga memberi kesan positif terhadap pungutan cukai langsung.

Prestasi tahun 2005 membuktikan komitmen tinggi LHDNM dalam mentadbir dan memungut cukai langsung negara. LHDNM telah berjaya memungut cukai langsung berjumlah RM56.85 bilion dalam tahun 2005. Jumlah pungutan ini berjaya mengatasi anggaran disemak cukai langsung tahun 2005 yang telah ditetapkan oleh kerajaan berjumlah RM48.35 bilion iaitu melebihi sebanyak 17.6 peratus. Pungutan cukai langsung tahun 2005 juga menunjukkan peningkatan 16.92 peratus berbanding pungutan berjumlah RM48.63 bilion dalam tahun 2004.

Prestasi kutipan cukai LHDNM merupakan petunjuk kejayaan LHDNM dalam melaksanakan program 2006 yang telah dirancang. Pencapaian prestasi ini diukur melalui sumbangan kutipan cukai langsung kepada Hasil Kerajaan Persekutuan serta keupayaan LHDNM mencapai sasaran kutipan tahun 2006 yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kutipan cukai langsung menyumbang sebanyak 54.50 peratus daripada keseluruhan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2006. Jumlah keseluruhan pungutan cukai langsung bagi tahun 2006 ialah RM65.74 bilion.

## **2.4 PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH LHDNM**

Untuk meningkatkan hasil kutipan cukai langsung bagi setiap tahun, LHDNM telah melaksanakan beberapa program untuk menghasilkan dan memperolehi kutipan cukai langsung yang tinggi. Program-program yang telah dijalankan adalah:

### **1) Program Kecemerlangan Prestasi LHDNM**

Pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2006 diperoleh melalui usaha bersepadu dan komitmen tinggi seluruh tenaga kerja LHDNM, terutamanya terhadap pelbagai aktiviti teras yang dijalankan meliputi aktiviti pemungutan, pematuhan, penguatkuasaan, dan perkhidmatan pelanggan. Kemajuan dan inovasi dalam sistem teknologi maklumat telah membantu memantapkan kesemua aktiviti yang disebutkan. Sistem teknologi maklumat yang digunakan meliputi fungsi pemprosesan maklumat, pungutan, pengauditan, dan penyiasatan. Peningkatan pungutan Cukai Langsung juga diperkukuh oleh keadaan ekonomi negara yang berkembang pada kadar pertumbuhan 5.8% pada tahun 2006 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2007). Keadaan ini mewujudkan iklim perniagaan yang kondusif kepada semua sektor ekonomi.

## 2) Program Pematuhan

Dalam persekitaran Sistem Taksir Sendiri (STS), *pematuhan sukarela* pembayar cukai adalah penting. Oleh itu, program pematuhan 2006 dirancang rapi dan dilaksanakan secara sistematik untuk mencapai matlamat ini. Bagi tujuan meningkatkan pematuhan sukarela pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian, LHDNM telah melaksanakan pelbagai program berkaitan dengan audit dan pematuhan. Pada tahun 2006, bilangan kes selesai diaudit ialah sebanyak 34,898 kes berbanding dengan 25,600 kes pada tahun 2005. Pungutan sejumlah RM1,206.09 juta cukai tambahan dan penalti, telah mencatatkan peningkatan 55.84% pada tahun 2006 berbanding dengan RM773.94 juta pada tahun sebelumnya. Program pengauditan yang berkesan berupaya meningkatkan kesedaran pembayar cukai bahawa mereka pasti akan diaudit pada masa akan datang. Kesedaran yang tinggi dan penalti yang mungkin dikenakan terhadap mereka menjadi faktor dalam mengurangkan kecenderungan pelarian cukai.

## 3) Program Penguatkuasaan

Program penyiasatan dan pendakwaan dipergiat melalui penguatkuasaan undang-undang dengan tujuan mencegah pengelakan dan pelarian cukai. Dengan memberi fokus khusus terhadap aktiviti siasatan jenayah di samping mempertingkatkan aktiviti siasatan sivil, program penguatkuasaan dan siasatan berjaya diluaskan. Sepanjang tahun 2006, aktiviti penyiasatan menghasilkan sejumlah RM903.23 juta cukai tambahan dan penalti berbanding dengan RM763 juta pada tahun 2005. Program penguatkuasaan melalui aktiviti guaman sivil terus ditingkatkan selain memastikan semua transaksi bayaran direkod dengan cepat, tepat, dan betul. Langkah penguatkuasaan telah diambil terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2006, LHDNM berjaya mencatat pertambahan aktiviti guaman sivil yang melibatkan sebanyak 8,722 kes baru yang didaftarkan di mahkamah pada tahun 2006 dengan tunggakan berjumlah RM771.08 juta. Daripada keseluruhan kes yang telah didaftarkan, sebanyak 6,934 kes telah diselesaikan pada tahun 2006 dengan kutipan cukai berjumlah RM631.85 juta. Langkah proaktif lain dalam program penguatkuasaan LHDNM adalah dengan mengadakan lawatan dari rumah ke rumah.

#### 4) Program Pembesaran Asas Cukai

Program pembesaran asas cukai 2006 dilaksanakan dengan lebih meluas dari segi lawatan ke premis. Usaha ini bertujuan meningkatkan bilangan pendaftaran fail cukai bagi pembayar cukai berpotensi. Di bawah program pembesaran asas cukai, aktiviti yang menjadi keutamaan meliputi pelaksanaan program banci bisnes, program zon ekonomi, program publisiti, taklimat, dan bengkel e-Filing, khidmat pelanggan serta fungsi Unit "Q"/Gudang Data LHDNM. Bagi memastikan pembayar cukai yang berpotensi termasuk dalam jaringan percukaian negara, aktiviti banci bisnes telah diadakan pada skala yang lebih besar. Pada tahun 2006, aktiviti banci bisnes melibatkan lawatan ke 83,207 premis perniagaan berbanding dengan lawatan ke 74,829 premis perniagaan pada tahun 2005. Ekoran daripada aktiviti berkenaan, sebanyak 9,742 fail baru telah didaftarkan berbanding dengan 10,178 pendaftaran fail baru pada tahun sebelumnya. Penggunaan maklumat dari Gudang Data LHDNM secara lebih meluas dan komprehensif membantu melicinkan aktiviti pengesanan selain memudahkan semakan silang terhadap maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Program ini telah berjaya mencapai sasaran dari segi lawatan ke premis dan pendaftaran fail baru bagi tahun 2006.

#### 5) Program Perkhidmatan Pelanggan

Teras perkhidmatan LHDNM yang berasaskan konsep perkhidmatan yang mesra, membantu, dan memuaskan kepada pelanggan ialah penggerak utama dalam meningkatkan tahap keseluruhan kualiti perkhidmatannya. Taklimat dan bengkel e-Filing percuma, Program Perkhidmatan Pembayar Cukai, Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) serta Program Khidmat Sokongan Peniaga adalah antara program yang mendapat sambutan pembayar cukai. Program BPPC diadakan dengan tujuan untuk membolehkan pembayar cukai mendapat nasihat dan panduan berhubung dengan cukai termasuklah pada luar waktu pejabat. Di sesetengah kawasan, kaunter perkhidmatan LHDNM dibuka di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Konsep turun padang dan mesra pengguna ini telah menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti sekali gus berjaya meningkatkan kefahaman dan kepatuhan orang awam terhadap undang-undang percukaian. Pusat Khidmat Hasil (PKH) yang ditubuhkan di kawasan terpilih merupakan sebahagian daripada program meluaskan pelaksanaan perkhidmatan pelanggan. Sebuah lagi PKH telah ditubuhkan di Kemaman pada tahun 2006. Kini terdapat PKH di Manjung, Batu Pahat, Lahad Datu, Kudat, Hulu Langat, Mukah, dan Limbang.

#### 6) Program Perkhidmatan Berasaskan Elektronik (e-Perkhidmatan)

Sejajar dengan usaha kerajaan meningkatkan penggunaan perkhidmatan elektronik dalam semua urusan, LHDNM telah memberikan tumpuan lebih khusus kepada perkhidmatan elektronik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai. Inovasi dan pelbagai pembaharuan terus diperkenalkan supaya urusan taksiran dan pembayaran cukai dapat dilakukan dengan lebih mudah dan pantas. Dalam usaha memudahkan urusan pembayaran cukai, Commerce International Merchant Bank Berhad (CIMB) dan Public Bank Berhad (PBB) telah dilantik sebagai ejen penerimaan bayaran cukai. Kedua-dua kumpulan perbankan menawarkan kemudahan pembayaran cukai di kaunter cawangan masing-masing termasuk kemudahan pembayaran secara elektronik melalui portal perbankan elektroniknya.



## 7) Program Pemantauan Dan Pengukuran Prestasi

Program pemantauan dan pengukuran prestasi tahun 2006 dilaksanakan bertujuan untuk mengukur tahap kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Kaedah yang dilaksanakan untuk mencapai objektif ini termasuk Petunjuk Prestasi Utama dan pematuhan standard MS ISO 9001:2000. Bagi menambah baik pentadbiran percukaian, LHDNM berusaha meningkatkan tahap kualiti dan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang disampaikan. Prosedur percukaian yang efisien akan mendorong peningkatan produktiviti LHDNM dan seterusnya peningkatan prestasi pungutan *Cukai Langsung* negara.

## 8) Program Pembangunan Modal Insan

Modal insan yang berkualiti merupakan elemen penting kepada organisasi. LHDNM amat komited terhadap Program Pembangunan Modal Insan dengan tujuan melahirkan pegawai yang kompeten, profesional, berpengetahuan, mahir, berdisiplin, dan berintegriti. Justeru, program pembangunan sumber manusia diberi perhatian dan keutamaan. Program latihan dirancang dan dilaksanakan agar pegawai berkeupayaan menjalankan tugas selaras dengan perubahan dan keperluan semasa. Pelbagai program latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar berkelayakan di beberapa pusat latihan LHDNM:

- i. Akademi Percukaian Malaysia (APM),
- ii. Pusat Latihan Siasatan (PLAS),
- iii. Pusat Latihan Audit (PULADIT),
- iv. Pusat Latihan *Duti setem* (PULATEM), dan
- v. Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Pentadbiran.



#### 9) Indikator Kecekapan Kos Pungutan

Keberkesanan fungsi LHDNM sebagai pentadbir *Cukai Langsung* negara diukur melalui indikator kos pungutan. Penurunan kos ini mencerminkan kecekapan pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2006, kos yang dibelanjakan bagi memungut setiap RM100.00 cukai telah menurun sebanyak 9.35% kepada RM0.97 berbanding RM1.07 pada tahun 2005. Penurunan kos pungutan 2006 tersebut menggambarkan pentadbiran Cukai Langsung negara yang berhemah. Ia merupakan indikator penting tentang keberkesanan perancangan dan pelaksanaan aktiviti LHDNM yang memberi penekanan terhadap kualiti serta kawalan kos yang efisien.

#### 10) Ejen Pemungutan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi

Nasional (PTPTN) Pada 1 Julai 1997 LHDNM telah dilantik menjadi ejen pemungutan kepada PTPTN untuk memungut bayaran balik pinjaman pelajaran daripada pelajar selepas tamat pengajian atau mendapat pekerjaan yang lebih dahulu. LHDNM meneruskan tanggungjawab sebagai ejen pemungutan kepada PTPTN sepanjang tahun 2006. Sejumlah RM43.92 juta bayaran balik pinjaman telah dipungut daripada 28,452 peminjam pada tahun 2006 berbanding dengan RM37.89 juta yang melibatkan 23,853 peminjam pada tahun 2005.

## **2.5 IMPLIKASI PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH LHDNM**

Dasar dan polisi pencukaaian adalah termaktub di dalam undang-undang melalui akta yang sedia ada iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967 dan juga pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengannya. Sebagai pentadbir cukai, LHDNM akan melaksanakan segala usaha mengikut lunas undang-undang yang telah ditetapkan, dengan tujuan dan fokus utama memungut hasil untuk negara. Di dalam mencapai tujuan ini, maka adalah menjadi tanggungjawab Lembaga untuk menyusun segala strategi dan program agar sasaran dan matlamat kutipan cukai dapat dicapai. Perhatian dan fokus LHDNM yang utama adalah kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan dengan itu sekaligus meningkatkan imej LHDNM.

## 2.6 KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mengkaji isu berkaitan dengan cukai sama ada dari segi kepatuhan membayar cukai yang wajib dikenakan ke atas semua rakyat yang mempunyai pendapatan. Walaubagaimanapun, kajian mengenai isu-isu kecekapan lebih tertumpu kepada isu-isu mengenai pungutan cukai secara umum dan masih belum mencakupi isu-isu mengenai kecekapan teknikal.

Kajian yang dilakukan oleh Charnes, Cooper dan Rhodes (1981) menentukan amalan frontier yang terbaik dengan menggunakan dua kaedah bukan parameter. Pertamanya ialah DEA. Kecekapan bagi setiap unit pembuatan keputusan adalah diperolehi sebagai nisbah maksimum bagi pemberat-pemberat output kepada pemberat-pemberat input tertakluk kepada kekangan di mana nisbah yang sama untuk setiap DMU mesti kurang daripada atau sama dengan 1. Subskrip 0, dan kesemua yang lain ditandakan sebagai  $j$  ( $j = 1, \dots, g$ ).  $H_0$  ialah kecekapan skor DEA yang diberi DMU, di mana setiap DMU menggunakan satu dimensi  $m$ , vektor input,  $X$  ( $i = 1, \dots, m$ ) untuk menghasilkan dimensi  $s$ , vektor output,  $Y$ , ( $r = 1, \dots, s$ ),  $u$ , dan  $v$  adalah pemberat-pemberat bagi input dan output masing-masing dan terdiri daripada pembolehubah bagi masalah tidak linear ini boleh diubah kepada masalah program linear mudah.

Kajian oleh Connolly (1997) mengkaji mengenai peningkatan kecekapan di dalam syarikat-syarikat kuasa besar berkemungkinan boleh jadi di antara satu sama lain menggunakan kekurangan input, adalah seperti modal, buruh dan bahan api dan peningkatan output oleh penggunaan teknologi yang lebih maju. Teknologi baru boleh diraih sama ada daripada sumber luaran atau daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D), jabatan di setiap syarikat. Mengikut tertib kepada pengukuran kecekapan, tetapi skop kajian ini ialah pengukuran kecekapan teknikal penilaian prestasi utiliti bagi syarikat elektrik dan penyiasatan pembatalan kawal selia memberi kesan kepada kecekapan. Oleh itu, kami menggunakan kebanyakan input yang berbeza. Selain pengukuran Jumlah Faktor Produktiviti (TFP), beliau juga menggunakan teknik DEA untuk mengukur kecekapan kuasa elektrik syarikat di mana diandaikan mempunyai skala pulangan malar dan skala pulangan berubah mengikut tertib penyelidikan jika ini merupakan hubungan di antara kecekapan, penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kajian ini menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara perbelanjaan R&D dan kecekapan di dalam industri kuasa elektrik. Beliau juga mencadangkan menggunakan model BCC di dalam mengukur kecekapan syarikat kuasa elektrik. Walaubagaimanapun, kami menggunakan kedua-dua model ini mengikut langkah kepada pengenalan aspek pengukuran kecekapan yang berbeza.

Kajian seterusnya dikaji oleh Olson (1965) mengenai tindakan kolektif setiap masalah di mana setiap pekerja 'bebas menumpang' pada usaha sendiri untuk meningkatkan prestasi. Ini terjadi apabila tempoh kerja adalah tidak bersangkut paut kepada penilaian prestasi, di mana kes di sektor awam di Portugal seringkali berlaku. Struktur organisasi pejabat cukai Portugis adalah di bawah peraturan dan kawalan langsung CTA. Tujuan kegiatan pengawalatur ini ialah untuk meningkatkan kecekapan dan menambahkan kualiti di dalam aktiviti percukaian sebagai salah satu cara peningkatan resit dan kepuasan pengguna yang mengakibatkan kepada salah satu sistem cukai yang efisien. Di dalam kajian ini, kami membandingkan prestasi sampel cukai pejabat-pejabat di Lisbon, dengan menggunakan pendekatan DEA, secara tidak langsung menyimpulkan peranan yang dimainkan oleh peraturan insentif di dalam pasaran ini. Motivasi untuk penyelidikan ini berpunca daripada tiga isu yang kritikal yang dikaitkan dengan aktiviti cukai pejabat. Pertamanya, teknik-teknik penilaian yang digunakan untuk badan kawal selia adalah hanya tertumpu kepada nisbah mudah kini.

Kajian yang dijalankan oleh Diamond & Mirrlees(1971) lebih mengenai kepada keputusan kecekapan pengeluaran. Keputusan di setiap negeri di California ini adalah menunjukkan bahawa ekonomi California sepatutnya berada di dalam lingkungan sempadan pengeluaran pada tingkat yang optimum apabila kerajaan boleh mencukai (secara linear) kesemua faktor (input & output) pada kadar yang berbeza. Keputusan kecekapan pengeluaran ini menunjukkan dua implikasi polisi awam yang amat penting. Sektor awam seharusnya mengoptimumkan pembuatan keputusan pengeluaran dengan menggunakan harga pasaran dan kerajaan seharusnya tidak mengenakan tarif, pengeluaran cukai atau subsidi. Ini disebabkan pihak kerajaan tidak mengoptimumkan ketidakcekapan pengeluaran. Dapatan kajian juga menunjukkan keputusan yang lain yang lebih penting adalah merujuk kepada analisis teori struktur cukai yang optimum, dinamakan formula cukai optimum. Formula cukai optimum adalah sama apabila harga faktor adalah tetap, seperti di dalam ekonomi terbuka yang kecil, apabila harga adalah pembolehubah terbitan daripada fungsi pengeluaran yang umum.

Kajian yang seterusnya dijalankan oleh Atkinson & Stiglitz (1976) pula menjelaskan bahawa pencukaaian komoditi tidak digunakan lagi apabila kerajaan menggunakan cukai pendapatan dan fungsi utiliti melalui pembahagian yang tidak sama rata antara barangan dan kemewahan. Atkinson dan Stiglitz membuktikan teori mereka dengan menggunakan model harga tetap dengan penggantian yang sempurna antara perbezaan pekerja. Gabungan dua keputusan memberi kesan kepada instrumen cukai tidak langsung seperti pengeluaran subsidi, tarif atau pembezaan komoditi percukaaian adalah separa optimum dan seharusnya tiada pengagihan kepada pencapaian semata-mata melalui cukai pendapatan langsung. Pengeluaran yang efisien boleh menjejaskan keputusan disebabkan oleh pihak kerajaan yang tidak boleh mengaitkan dengan kadar yang berbeza di dalam setiap jenis buruh dan maka itu, kuasa percukaaian kerajaan adalah terhad berbanding dengan model Diamond- Mirrlees. Teori Atkinson-Stiglitz mengalami kemerosotan disebabkan oleh penggantian yang tidak sempurna dalam jenis buruh. Wujud dua persoalan dari anggapan model piawai ini iaitu cukup kepada pengabaian tiga keputusan teori percukaaian optimum yang utama. Salah satu daripada dua ini ialah penggantian sempurna input buruh dalam fungsi pengeluaran. Anggapan yang kedua ialah kemungkinan syarat kadar cukai pendapatan- upah dalam jenis buruh.



Kajian yang dijalankan oleh McLure (1971) mengenai sistem cukai yang mempunyai kesan yang sedikit di dalam pengagihan pendapatan (sebelum dan selepas cukai, nilai pekali Gini adalah 0.488 dan 0.496). Di mana ia diadaptasikan daripada kesan perubahan pengagihan di dalam sistem cukai semasa. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat penyimpangan utama daripada kadar cukai semasa, di mana nilai kadar cukai semasa adalah tidak signifikan dan menjejaskan pengagihan pendapatan bagi kedua-duanya. Sebagai contoh, ketika mengumpul kadar cukai regresif (VAT) daripada 18 peratus kepada 25 peratus, atau menggantikan cukai pendapatan sekarang (kadar marginal yang paling tinggi sebanyak 45 peratus untuk pendapatan sebulan ke atas US\$6500) oleh cukai yang mendatar dengan langkah permulaan memasukkan golongan yang dikecualikan dengan kadar marginal sebanyak 20 peratus dan selepas itu adalah seragam. Untuk sebab itu, walaupun kebanyakan hasil cukai pendapatan diperolehi daripada individu itu sendiri, hasil cukai pendapatan juga diperolehi daripada isi rumah melalui kekayaan, purata kadar cukai pendapatan ialah berada di tahap yang rendah iaitu di bawah 3 peratus. Regresif yang sedikit ini diperolehi daripada sistem cukai negara Chile berbanding dengan kebanyakan pembelajaran dari pengagihan beban cukai bagi negara yang membangun, di mana sistem cukai yang dijumpai secara keseluruhannya dan umumnya adalah progresif.

Dato' Haji Abdul Aziz @ Ambak Ismail, Ahli Jemaah Fatwa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu mengkaji mengenai Cukai sebagai satu tanggungjawab kepada negara dan sumber cukai adalah dari semua jenis hasil pendapatan dan boleh dipungut ke atas semua rakyat yang mempunyai pendapatan. Cukai juga dikutip adalah bagi tujuan kepentingan pentadbiran negara. Ini dapat ditunjukkan dalam keterangan yang ditulis oleh Dato' Haji Abdul Aziz @ Ambak Ismail, Ahli Jemaah Fatwa Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu di dalam ungkapan beliau seperti berikut:

*“Kalau rujuk kepada perintah usul perintah ataupun hukum syarak dalam Islam yang bermaksud; sebarang urusan pemerintah terhadap rakyat di kawasan negeri tertentu adalah tertakluk kepada adanya kebajikan dan kemaslahatan kepada rakyat itu sendiri”*

Beliau juga menyatakan bahawa kaedah mengenakan cukai penting bagi menjaga kepentingan rakyat dan dalam kaedah siasah Islamiah, pemerintah dengan rakyat adalah sama-sama bertanggungjawab. Pemerintah (kerajaan) bertanggungjawab terhadap rakyat dan rakyat mestilah juga bertanggungjawab terhadap pemerintah yang berkuasa iaitu kedua-dua pihak saling tolong menolong kerana pemerintah memberi perkhidmatan kepada rakyat dan mengadakan perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Rakyat sepatutnya memberi kerjasama kepada pemerintah dengan mematuhi peraturan yang dikenakan selagi tidak wujud kezaliman.

Kajian oleh Roberts (1984) telah mengkaji mengenai tempoh masa kecekapan cukai pendapatan adalah konsisten. Beliau juga menunjukkan bahawa model Mirrlees yang dinamik di dalam setiap keupayaan individu adalah tetap, sistem cukai pendapatan yang optimum adalah menunjukkan tidak pernah konsisten. Pengherotan percukaian merupakan keperluan kepada jenis skrin keupayaan, tetapi selepas individu memperlihatkan keupayaan mereka, kerajaan akan memperolehnya secara optima yang merujuk kepada penghapusan seperti pengherotan, pembuatan sistem cukai yang original adalah sukar dipercayai. Walaubagaimanapun, apabila keupayaan seseorang individu itu adalah diukur secara rawak, ini mungkin disebabkan sikap setiap individu yang sentiasa berubah.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Kerangka teori dan pembentukan model kajian adalah perkara yang paling utama di dalam menjalankan sesuatu kajian. Di dalam bab ini, perbincangan akan tertumpu kepada metodologi kajian ataupun kaedah kajian yang mana ianya akan membincangkan kaedah yang sesuai digunakan di dalam menghasilkan keputusan yang tepat daripada kajian yang akan dilakukan. Tanpa sesebuah model adalah mustahil untuk mengkaji dan membuat keputusan.

Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan mengenai kerangka teori dan model yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini, berdasarkan keutamaan kajian. Model yang digunakan di dalam kajian ini adalah bersifat linear di mana satu perubahan dalam pembolehubah tidak bersandar akan menyebabkan perubahan dalam pembolehubah bersandar. Antara ujian yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian Korelasi, Ujian Punca Unit, Ujian Kointegrasi, Ujian Penganggaran Vektor Autoregresi (VAR), dan Ujian Sebab Akibat VAR.

Berdasarkan kepada sorotan kajian yang dijadikan sebagai sumber rujukan dan asas kepada kajian, beberapa kaedah terlibat didapati sesuai digunakan di dalam menghuraikan data-data yang berkaitan. Kaedah kajian yang digunakan akan dapat menghuraikan data-data yang diperolehi dengan menentukan peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang bertanggungjawab di dalam memungut hasil kerajaan Persekutuan dan juga di dalam memungut komponen cukai langsung.

### **3.2 DATA DAN SET MODEL KAJIAN**

Bagi mendapatkan hasil kajian, kajian ini menggunakan data sekunder yang merupakan data siri masa, iaitu dari tahun 1986 sehingga tahun 2006 yang memberi tumpuan kepada peranan LHDNM sebagai peneraju kutipan hasil negara. Segala data dalam kajian ini adalah diperolehi daripada Laporan Ekonomi 1996-2005, Kementerian Kewangan dan Penyata Hasil Tahunan Jabatan Pungutan LHDNM, Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Penyata Hasil Tahunan Jabatan Pungutan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Rancangan Malaysia kelapan (RMK-8), Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

Secara dasarnya, kajian ini menggunakan data siri masa yang akan memperlihatkan sumbangan LHDNM sebagai peneraju kutipan hasil negara. Data-data kajian ini kemudiannya akan diproses menggunakan perisian Econometric Views (E-Views) bagi memperoleh hasil yang diinginkan.

Dalam kajian ini, model regresi digunakan bagi tujuan analisis. Terdapat dua jenis model regresi yang digunakan iaitu regresi mudah dan regresi berbilang. Analisis regresi mudah bertujuan untuk mengkaji kebergantungan satu pembolehubah bersandar terhadap satu pembolehubah bebas manakala analisis regresi berbilang adalah untuk mengkaji kebergantungan satu pembolehubah bersandar terhadap dua atau lebih pembolehubah bebas.

Pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang nilainya dipengaruhi oleh pembolehubah lain yang dikenali sebagai pembolehubah bebas. Dalam kajian ini, hasil kerajaan persekutuan dijadikan pembolehubah bersandar manakala faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti sumbangan cukai petroleum, cukai pendapatan, duti setem dan cukai lain-lain dijadikan pembolehubah bebas. Oleh yang demikian, pembolehubah kajian yang dapat dibentuk menggunakan model regresi berbilang bagi tujuan penganggaran adalah:

$$\ln RFG_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln PT_t + \alpha_2 \ln INCT_t + \alpha_3 \ln DS_t + \alpha_4 \ln OT_t + \mu_t \dots\dots\dots (1)$$

di mana:

t = siri masa

$\alpha$  = Pekali yang dianggarkan

$\mu$  = Sebutan ralat

RFG = Hasil Kerajaan Persekutuan

PT = Cukai Petroleum

INCT = Cukai Pendapatan

DS = Duti Setem

OT = Cukai lain-lain



### **3.3 MODEL DAN SPESIFIKASI KAJIAN**

Teori dan spesifikasi kajian memperlihatkan bagaimana pengujian dilakukan ke atas data berdasarkan beberapa ujian yang dipilih. Set kajian menerangkan bagaimana prosedur pengujian dilakukan dan secara khusus, model yang akan dispesifikasi mengikut prosedur pengujian yang lebih terperinci. Kategori model diklasifikasikan kepada dua bentuk pengujian iaitu ujian berdasarkan analisis korelasi dan integrasi. Pembentukan model bagi setiap kategori akan dihuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian yang dilakukan untuk menentukan sejauhmana magnitud di atas pembolehubah bersandar serta bebas yang terlibat.

#### **3.3.1) KORELASI**

Masalah yang sering timbul apabila menggunakan data siri masa ialah masalah Kolinearan Boleh Bilang (Multicollinearity). Masalah ini wujud di antara pembolehubah bebas. Apabila pembolehubah bebas di dalam persamaan regresi adalah berstokastik, maka sifat penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) akan bergantung kepada pembolehubah bebas serta pembolehubah rawak.

Daripada kenyataan ini, boleh disimpulkan bahawa apabila terdapat korelasi antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah rawak, maka penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) adalah pincang dan arah kepincangan bergantung kepada bentuk korelasi tersebut. Keadaan ini berlaku di dalam kajian ini yang melibatkan empat pembolehubah bebas yang melibatkan data siri masa. Kewujudan perhubungan korelasi ini boleh digambarkan dengan menggunakan Ujian Korelasi Matriks.

### **3.3.2) INTEGRASI**

Analisis empirikal di dalam kajian ini terlebih dahulu dilakukan dengan pengujian punca unit, kointegrasi, Ujian Penganggaran Vektor Autoregresi (VAR), dan Ujian Sebab Akibat VAR antara pembolehubah yang terlibat di dalam menentukan peranan LHDNM ke atas pungutan hasil negara.

#### **3.3.2.1) Ujian Punca Unit**

Sehubungan itu, ujian ini dijalankan untuk menguji kepegunan data kajian agar tidak wujud penganggaran palsu. Selain daripada itu, hanya pembolehubah yang diintegrasikan pada tahap yang sama sahaja boleh dikointegrasikan. Maka, ujian ini akan membenarkan kita menentukan pembolehubah mana yang diintegrasikan pada tahap yang sama. Ia bertujuan untuk mengelakkan dari mendapat penganggaran regresi yang palsu iaitu penganggaran yang tidak menunjukkan hubungan yang sebenar, walaupun penganggaran regresinya kelihatan amat memuaskan. Keadaan ini boleh dikesan dengan merujuk kepada  $R^2$  yang kurang daripada nilai Durbin Watson (data pegun). Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Ujian Augmented Dickey-Fuller dan Ujian Phillips-Perron bagi meninjau kedudukan sebenar kepegunan data kajian agar tidak wujud penganggaran palsu.

Justeru, Ujian Punca Unit Phillips-Perron dilihat mempunyai kekuatannya tersendiri. Ini kerana ia mengambil kira masalah-masalah yang berkemungkinan dihadapi dalam faktor gangguan, terutamanya jika varians dalam faktor gangguan adalah bersifat tidak malar. Di dalam kajian ini, kedua-dua ujian digunakan untuk mengukur kepegunan pembolehubah dan bentuk persamaan yang menggunakan kaedah ADF adalah berasaskan kepada regresi berikut:

$$\Delta \ln RFG_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln RFG_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \ln RFG_{t-1} + \mu_t \dots\dots\dots (2a)$$

$$\Delta \ln PT_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln PT_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \ln PT_{t-1} + \mu_t \dots\dots\dots (2b)$$

$$\Delta \ln INCT_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln INCT_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \ln INCT_{t-1} + \mu_t \dots\dots\dots (2c)$$

$$\Delta \ln DS_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln DS_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \ln DS_{t-1} + \mu_t \dots\dots\dots (2d)$$

$$\Delta \ln OT_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln OT_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \ln OT_{t-1} + \mu_t \dots\dots\dots (2e)$$

Berdasarkan kepada persamaan (2a) hingga (2e),  $\Delta \ln RFG_t$ ,  $\Delta \ln PT_t$ ,  $\Delta \ln INCT_t$ ,  $\Delta \ln DS_t$  dan  $\Delta \ln OT_t$  menunjukkan pembezaan pertama untuk siri masa kajian. Manakala simbol  $\psi_t$  merupakan aliran siri masa,  $t$  mewakili tren masa dan  $\mu_t$  mewakili ralat gangguan putih. Hipotesis nol di dalam mengambil kira aspek kepegunan adalah  $H_0: \alpha = 0$ , yang bermaksud wujud ketidakpegunan data siri masa dan hipotesis alternatif adalah  $H_a: \alpha \neq 0$ , yang bermaksud wujud kepegunan data siri masa. Untuk menguji hipotesis ini, nilai statistik-t untuk koefisien  $\alpha_2$  akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang dihitung oleh MacKinnon menerusi simulasi Monte Carlo.

Ujian ADF yang mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi dan mempunyai varian yang malar, Ujian Punca Unit Phillips-Perron dilihat lebih baik kerana ia mengambil kira masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam faktor gangguan tersebut, terutama jika nilai varian dalam faktor gangguan bersifat tidak malar. Ujian Phillips-Perron bermula dengan menganggarkan persamaan-persamaan berikut:

$$\Delta U_t = \mu_1 + \alpha_1 U_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots (3a)$$

$$\Delta U_t = \mu_1 + \alpha_1 U_{t-1} + \alpha_1 t + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots (3b)$$

Di mana  $\Delta U_t$  merupakan pembezaan pertama siri  $U_t$  dan  $t$  merupakan tren masa. Di dalam persamaan (3a), untuk  $U_t$  menjadi pegun, nilai statistik-t dan  $Z(\tau_{\alpha, \mu})$  mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Bagi persamaan (3b), untuk  $U_t$  adalah pegun, nilai statistik-t dan  $Z(\tau_{\alpha, \mu})$  mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Justeru, tidak hairan jika ditegaskan bahawa ujian statistik-t Phillips-Perron adalah hasil pengubahsuaian daripada ujian statistik-t Augmented Dickey-Fuller yang telah mengambil kira halangan dalam faktor gangguan. Namun, nilai kritikal bagi Ujian Phillips-Perron adalah sama dengan nilai kritikal yang diperolehi daripada MacKinnon. Di dalam kajian ini, kedua-dua ujian akan digunakan dan keputusannya juga akan dilaporkan.

### 3.3.2.2) Ujian Kointegrasi Johansen

Ujian Kointegrasi Johansen ini secara amnya digunakan bagi mengkaji perhubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas bagi suatu model regresi. Analisis ini berguna bagi melihat perhubungan jangka panjang antara peranan LHDNM kepada pungutan hasil negara. Ujian ini boleh diukur melalui dua ujian iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak melalui nilai Akaike Info Criterion (AIC) di dalam menentukan bilangan lat bagi anggaran model kajian. Kerangka model dibentuk seperti berikut:

## Nilai Maksimum Eigen

$$P_r = -T \log(1 - \lambda_i) \dots \dots \dots (1a)$$

## Ujian Jejak

$$\eta_r = -T \sum_{i=r+1}^K \log(1 - \lambda_i) \dots \dots \dots (1b)$$

Nilai  $P_r$  merujuk kepada penganggaran statistik bagi Nilai Maksimum Eigen dan  $\eta_r$  pula merujuk kepada penganggaran statistik bagi Ujian Jejak. Manakala nilai  $T$  merujuk kepada bilangan cerapan bebas dan  $\lambda_i$  merujuk kepada nilai eigen bagi  $i$  dan nilai  $r = 1$  atau  $r \geq 1$ . Untuk melihat sama ada wujudnya hubungan kointegrasi, hipotesis telah digunakan dalam ujian ini.

$$H_0: r = 0, r \leq 1 \dots \dots \dots (2a)$$

$$H_a: r > 0, r \geq 1 \dots \dots \dots (2b)$$

Selain itu juga, terdapat kaedah lain yang boleh digunakan untuk mengukur dua ujian tadi iaitu ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak. Kerangka model dibentuk seperti berikut:

$$H^* r \text{ diterima jika } T^* r < C^* r(\alpha) \dots \dots \dots (3a)$$

$$H^* r \text{ diterima jika } T^* r \geq C^* r(\alpha) \text{ dan } Tr < Cr(\alpha) \dots \dots \dots (3b)$$

$$H_{r+1} \text{ diterima jika } T^* r \geq C^* r(\alpha) \text{ dan } Tr \geq Cr(\alpha) \dots \dots \dots (3c)$$

Di mana:

$H^* r$  = Hipotesis nol

$T^* r$  = Ujian Statistik

$C^* r(\alpha)$  = Nilai kritikal



### 3.3.2.3) Ujian Penganggaran Autoregresi Vektor (VAR)

VAR merupakan ujian terpenting dalam kajian ini. Hasil keputusan VAR dapat menunjukkan hubungan dinamik jangka panjang dan secara tidak langsung, ia dapat meninjau hubungan jangka panjang pembolehubah kajian. Persamaan di bawah menggambarkan persamaan VAR dalam bentuk matriks:

$$\begin{bmatrix} \Delta \text{ output} \\ \Delta \text{ Pemboleh-ubah tidak bersandar} \\ \Delta y \end{bmatrix} = \alpha_0 + \alpha_1 \begin{bmatrix} \Delta \text{ output} \\ \Delta \text{ Pemboleh-ubah tidak bersandar} \\ \Delta y \end{bmatrix}_{t-1} + \alpha_2 \begin{bmatrix} \Delta \text{ output} \\ \Delta \text{ Pemboleh-ubah tidak bersandar} \\ \Delta y \end{bmatrix}_{t-2} + \dots + \alpha_n \begin{bmatrix} \Delta \text{ output} \\ \Delta \text{ Pemboleh-ubah tidak bersandar} \\ \Delta y \end{bmatrix}_{t-n} + \varepsilon_t$$

Selain itu, fungsi impulse response' dibentuk untuk melihat hubungan pembolehubah kajian dengan lebih terperinci. Fungsi ini mampu mengenalpasti kesan satu sisihan piawai kejutan pada nilai semasa dan masa depan bagi pembolehubah bersandar. Kejutan pada sesuatu pembolehubah boleh mempengaruhi pembolehubah tersebut secara langsung dan ia mampu dialihkan kepada pembolehubah tidak bersandar.

### 3.4 DEFINISI PEMBOLEHUBAH

Definisi pembolehubah input yang terdiri daripada:

#### 1) Cukai Petroleum

Pendapatan yang diperolehi dari penjualan minyak mentah dan gas asli yang dikeluarkan dari Malaysia dibawah satu Perjanjian Petroleum yang dimeterai samada antara Petronas atau PBBMT ( kawasan pembangunan bersama tertentu) adalah tertakluk kepada cukai pendapatan petroleum. Cukai pendapatan petroleum ditaksir keatas pendapatan yang diperolehi dalam tahun sebelumnya. Pendapatan dan dividen yang dibayar dari pendapatan ini tidak tertakluk kepada cukai pendapatan lain. Orang yang tertakluk kepada cukai pendapatan petroleum adalah seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) dan orang-orang lain yang menjalankan operasi petroleum dibawah satu perjanjian perkongsian bersama yang dimeterai samada dengan PETRONAS atau PBBMT.

#### 2) Duti Setem

Akta Setem 1949 memperuntukkan pengenaan Duti Ad Valorem (iaitu mengikut nilai) keatas surat cara pemindahan (secara jualan atau hadiah) hartanah termasuk sekuriti yang boleh dipasarkan (iaitu stok pinjaman dan saham syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur), saham-saham syarikat yang lain dan harta tak ketara contohnya hutang buku, hak disisi undang-undang dan nama baik, surat cara yang mewujudkan kepentingan keatas harta seperti penyewaan dan pajakan berkanun, surat cara sekuriti untuk wang termasuk surat cara yang mewujudkan kontrak untuk pembayaran atau obligasi untuk pembayaran (yang dikenali sebagai bon), Surat cara pasaran modal yang tertentu contohnya Nota Kontrak. Pengenaan Duti Tetap keatas Lain-lain surat cara perundangan, perniagaan, perdagangan atau pasaran modal contohnya Surat Kuasa Wakil, Perkara-perkara Persatuan bagi Syarikat, Nota Janji Hutang, Polisi Insurans dan sebagainya dan surat cara pendua atau subsidiari atau kolateral dengan syarat ia dapat ditunjukkan bahawa surat cara asal atau utama atau primer telah disetamkan dengan sempurna.

### 3) Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)

Keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang diperolehi dari pelupusan tanah yang terletak dalam Malaysia dan apa-apa kepentingan, opsyen atau lain-lain hak mengenai atau ke atas tanah tersebut atau pelupusan syer dalam 'syarikat harta tanah' adalah tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah. Berkuatkuasa mulai 01.04.2007 di mana Menteri mengecualikan mana-mana orang dari semua peruntukan Akta ini berkenaan dengan mana-mana pelupusan apa-apa aset yang boleh dikenakan cukai selepas 31.03.2007. (Perintah Cukai Keuntungan Harta tanah (Pengecualian) (no. 2) 2007 - (P.U.(A) 146). Ini bermakna, pelupusan aset bercukai yang dilaksanakan mulai 01.04.2007 adalah dikecualikan daripada cukai keuntungan harta tanah, dan semua undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 turut tidak terpakai mulai tarikh tersebut. Di antaranya adalah seperti pelupus tidak perlu mengemukakan borang CKHT ke LHDN, pemeroleh tidak perlu mengemukakan borang CKHT dan peguam tidak perlu menahan wang pelupusan pelupus untuk tujuan CKHT (Seksyen 21B).

### 4) Cukai Pegangan

Cukai Pegangan ialah cukai yang dikenakan terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin (individu/ badan selain individu) di Malaysia. "Pembayar" merujuk kepada individu/badan yang menjalankan perniagaan di Malaysia serta menjadi pemastautin Malaysia bagi tujuan percukaian dan perlu meremitkan cukai pegangan terhadap sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/sewa harta mudah alih/royalti/faedah/kontrak yang diterima daripada penerima tidak bermastautin di Malaysia. "Penerima" merujuk kepada individu/badan selain individu bukan pemastautin yang memberi sebarang bentuk perkhidmatan/khidmat nasihat/sewa harta mudah alih/royalti/faedah/kontrak terhadap pembayar yang mana cukai pegangan ditolak daripada amaun kasar bayaran perkhidmatan yang diterima.

### **3.5 KESIMPULAN**

Data, teori dan spesifikasi model kajian merupakan kaedah untuk mengenalpasti pengujian-pengujian yang akan digunakan dalam membuat penganggaran sesuatu pembolehubah. Bagi menghasilkan kajian yang baik ini, penggunaan data sekunder yang diperoleh melalui agensi-agensi dan jabatan kerajaan adalah amat berguna kerana sumber tersebut telah dikumpulkan oleh pihak terbabit melalui pemerhatian. Data-data yang diperoleh boleh diperolehi dari tahun 1986 sehingga tahun 2006 dan ini memudahkan pencarian data yang diperlukan. Kesilapan dalam memilih model akan menyebabkan objektif kajian tidak dapat dicapai. Teori pula berguna dalam memberi panduan untuk menghasilkan kajian yang lebih efektif dan berkesan. Hasil kajian ini akan dianalisa dalam bab seterusnya.

## **BAB IV**

### **HASIL KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan hasil daripada ujian-ujian yang telah dijalankan seperti Ujian Punca Unit, Ujian Kointegrasi dan juga Ujian Penganggaran Autoregresi Vektor (VAR). Setiap ujian menunjukkan kesan oleh pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang boleh dilihat sebagai penyumbang kepada tingkat ekonomi, namun begitu kajian ini akan lebih memberi tumpuan kepada peranan LHDNM di dalam memungut hasil kerajaan Persekutuan yang dijangka menjadi antara penyumbang utama ekonomi Malaysia. Antara pembolehubah yang digunakan adalah output cukai petroleum, cukai pendapatan, duti setem dan juga cukai lain-lain.



## 4.2 ANALISIS REGRESI MUDAH

Berdasarkan penerangan sebelum ini, kesemua pembolehubah tidak bersandar diuji bagi melihat sama ada ia mempengaruhi pembolehubah bersandar atau pun sebaliknya. Data-data pembolehubah kemudiannya akan dianggarkan dengan menggunakan perisian E-Views di mana hasil penganggaran persamaan regresi (OLS) yang diperolehi adalah:

$$\text{RFG} = 4.042591 + 0.21\text{PT} + 0.0053\text{OT} + 0.36\text{INCT} + 0.21\text{DS} + \varepsilon$$

$$\text{S.E} : (0.32) \quad (0.044) \quad (0.018) \quad (0.092) \quad (0.05)$$

$$\text{Stat-t:} (12.65) \quad (4.768) \quad (0.300) \quad (3.944) \quad (3.883)$$

$$R^2 = 0.98 \quad R^2 = 0.98 \quad \text{Durbin Watson} = 1.080$$

Daripada persamaan yang diperolehi, menerangkan bahawa keempat-empat pembolehubah mempunyai hubungan secara langsung dengan hasil Kerajaan Persekutuan (RFG). Ini ditunjukkan di mana sekiranya berlaku peningkatan 1 peratus dalam cukai petroleum, cukai lain-lain, cukai pendapatan dan duti setem, masing-masing akan menyebabkan hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 0.21 peratus, 0.0053 peratus, 0.36 peratus dan 0.21 peratus.

Nilai pekali penentu regresi ( $R^2$ ) bagi persamaan ini adalah bersamaan dengan 0.98. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 98 peratus hasil Kerajaan Persekutuan dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Data siri masa dalam kajian ini adalah pegun kerana nilai Durbin Watson (DW) iaitu sebanyak 1.080 adalah lebih tinggi berbanding nilai pekali penentu regresi yang mana hanya 0.98. Ujian kepegunan adalah bertujuan bagi mengelakkan berlakunya anggaran palsu kerana daripada pembolehubah yang mempunyai nilai kepegunan yang berbeza.

### 4.3 UJIAN PUNCA UNIT

Penggunaan ujian kepegunan seperti Augmented Dickey-Fuller dan Phillips-Perron adalah untuk memastikan tiada berlakunya regresi palsu. Hal ini boleh dilihat dengan membandingkan nilai  $R^2$  dan nilai statistik Durbin Watson. Di mana nilai  $R^2$  lebih tinggi daripada nilai Durbin Watson menunjukkan data yang tidak pegun. Jadual 4.1 menunjukkan keputusan Ujian Punca Unit Augmented Dickey-Fuller dan Ujian Phillips-Perron.

. **Jadual 4.1: Keputusan Ujian Punca Unit**

| Pembolehubah                     | Augmented Dickey-Fuller |                   |                 | Phillips- Perron Test |                   |                 |
|----------------------------------|-------------------------|-------------------|-----------------|-----------------------|-------------------|-----------------|
|                                  | Tingkat                 | Pembezaan Pertama | Pembezaan Kedua | Tingkat               | Pembezaan Pertama | Pembezaan Kedua |
| Hasil Kerajaan Persekutuan (rfg) | -2.004870               | -5.250703*        | -8.098537*      | -1.982233             | -5.250703*        | -13.25042*      |
| Cukai Petroleum (pt)             | -1.314468               | -3.488966***      | -4.411851**     | -2.340767             | -6.608718*        | -15.55621*      |
| Cukai Pendapatan (inct)          | -1.379918               | -3.834420**       | -5.079098*      | -1.379918             | -7.150382*        | -8.032706*      |
| Duti Setem (ds)                  | -1.412784               | -4.452274*        | -5.489024*      | -1.400169             | -4.480219*        | -15.28742*      |
| Cukai lain-lain (ot)             | -5.487425*              | -5.288356*        | 3.711399***     | -5.592592*            | -20.84682*        | -25.07947*      |

**Nota : \*, \*\*, \*\*\* adalah signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%**

Ujian Punca Unit Augmented Dickey-Fuller dan Phillips-Perron adalah berdasarkan penggunaan lag 4 dan memilih Akaike Info Criterion (AIC) dan trend dan intersep akan dimasukkan dalam persamaan ujian punca unit. Data siri masa dianggap pegun sekiranya nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada  $R^2$ .  $H_0$  dalam ujian statistik ADF mengandaikan bahawa siri masa mempunyai punca unit iaitu tidak pegun. Jika nilai statistik-t yang dianggar lebih besar daripada nilai genting t, maka hipotesis gagal ditolak dan ini tidak dapat membuktikan bahawa data siri masa tersebut dalam keadaan kepegunan. Sebaliknya, jika nilai statistik-t kurang daripada nilai genting-t, maka hipotesis nol ditolak dan ini menunjukkan data siri masa adalah pegun. Nilai kritikal daripada Jadual Mackinnon, 1996 digunakan dalam ujian ini untuk membuat perbandingan dengan nilai statistik pembolehubah yang dikaji.

Hasil keputusan ujian punca unit pada bentuk tingkat ditunjukkan dalam jadual 4.1 yang menunjukkan bahawa semua pembolehubah siri masa adalah tidak signifikan pada aras keertian yang sama kecuali pembolehubah cukai lain-lain adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Nilai statistik bagi semua pembolehubah adalah lebih kecil daripada nilai kritikal Mackinnon kecuali nilai statistik bagi pembolehubah cukai lain-lain yang menunjukkan bahawa nilai statistik bagi pembolehubah cukai lain-lain adalah lebih besar daripada nilai kritikal Mackinnon. Hipotesis nol menyatakan bahawa data siri masa masih tidak pegun gagal ditolak walaupun nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada  $R^2$ . Maka, untuk mendapatkan kepegunan data siri masa, pengkaji haruslah menjalankan ujian punca unit pada pembezaan pertama. Pengkaji mendapati hasil keputusan bagi semua pembolehubah adalah signifikan walaupun pembolehubah seperti hasil kerajaan persekutuan, cukai lain-lain dan duti setem adalah sama pada aras keertian 1 peratus, manakala cukai petroleum signifikan pada aras keertian 10 peratus dan cukai pendapatan signifikan pada aras keertian 5 peratus.

Walaupun begitu, data siri masa masih tidak pegun. Hal ini kerana untuk mencapai kepegunan data, hasil keputusan bagi semua pembolehubah mestilah signifikan pada aras keertian yang sama. Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan punca unit pada pembezaan kedua. Namun, dapatan kajian yang diperolehi adalah sama dengan keadaan pembezaan pertama di mana hasil kerajaan persekutuan, cukai pendapatan dan duti setem adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus, tetapi bagi cukai lain-lain adalah signifikan pada 10 peratus dan cukai petroleum signifikan pada 5 peratus. Oleh itu, pengkaji terpaksa melaksanakan ujian PP bagi mendapatkan kepegunan data siri masa.

Hasil keputusan ujian punca unit pada bentuk tingkat menunjukkan hanya cukai lain-lain adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Maka, pengkaji haruslah menjalankan ujian punca unit pada pembezaan pertama. Pengkaji mendapati hasil keputusan, hanya kesemua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Oleh itu, ujian pembezaan yang kedua adalah perlu dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus.

Pengkaji beranggapan bahawa data siri masa berada dalam kepegunan setelah melakukan ujian Phillips-Perron (PP). Maka, di sini keseimbangan wujud pada jangka masa panjang antara semua pembolehubah. Langkah yang seterusnya adalah menguji kointegrasi antara semua pembolehubah iaitu dengan menggunakan prosedur kointegrasi Johansen.

#### 4.4 UJIAN KO-INTEGRASI JOHANSEN

Ujian kointegrasi digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Hasil dapatan ujian kointegrasi yang diperolehi berasaskan log linear. Hasil keputusan ujian kointegrasi berbilang Johansen dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah.

**Jadual 4.2 : Ujian Kointegrasi Johansen**

| Hipotesis  | Nilai Eigen | Ujian Jejak | Nilai kritikal 5% | Nilai Kritikal 1% | Max. Eigen Statistik | Nilai kritikal 5% | Nilai Kritikal 1% |
|------------|-------------|-------------|-------------------|-------------------|----------------------|-------------------|-------------------|
| $R = 0$    | 0.924092    | 98.84182    | 68.52**           | 76.07*            | 48.98632             | 33.46**           | 38.77*            |
| $R \leq 1$ | 0.748147    | 49.85550    | 47.21**           | 54.46             | 26.19925             | 27.07             | 32.24             |
| $R \leq 2$ | 0.483674    | 23.65625    | 29.68             | 35.65             | 12.55931             | 20.97             | 25.52             |
| $R \leq 3$ | 0.441674    | 11.09694    | 15.41             | 20.04             | 11.07343             | 14.07             | 18.63             |
| $R \leq 4$ | 0.001236    | 0.023502    | 3.76              | 6.65              | 0.023502             | 3.76              | 6.65              |

**Nota: \* merujuk kepada penolakan hipotesis nol pada aras keertian 5 peratus**

Berdasarkan hasil keputusan ujian kointegrasi berbilang pembolehubah Johansen, Ujian Jejak statistik menunjukkan 2 kointegrasi pada aras keertian 5 peratus dan 1 kointegrasi pada aras keertian 1 peratus. Begitu juga dengan ujian nilai statistik maksimum eigen di mana turut menunjukkan 1 kointegrasi pada aras keertian 5 peratus dan 1 kointegrasi pada aras keertian 1 peratus. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan dalam jangka masa panjang antara dua pembolehubah.



#### 4.5 UJIAN PENGANGGARAN AUTOREGRESI VEKTOR (VAR)

Ketika melakukan ujian kepegunan, hasil yang diperolehi menunjukkan semua pembolehubah pegun pada pembezaan yang pertama. Oleh sebab itu, setiap pembolehubah telah ditukar kepada bentuk perubahan untuk melakukan VAR. Dalam model kajian ini, pemilihan lat 1 digunakan dalam ujian VAR bagi pembolehubah yang lain.

$$\Delta RFG = -0.82 - 0.07\Delta PT_{t-1} + 0.02\Delta OT_{t-1} - 0.195\Delta INCT_{t-1} - 0.069\Delta DST_{t-1}$$

$$[-0.69] \quad [0.79] \quad [-1.01] \quad [-0.61]$$

$$R^2 = 0.97$$

$$\text{Akaike AIC} = -1.385583$$

$$\Delta PT = -12.72 + 3.15\Delta RFG_{t-1} + 0.03\Delta OT_{t-1} - 1.17\Delta INCT_{t-1} - 0.54\Delta DST_{t-1}$$

$$[3.32] \quad [0.49] \quad [-2.36] \quad [-1.87]$$

$$R^2 = 0.89$$

$$\text{Akaike AIC} = 0.487431$$

$$\Delta OT = -23.11 + 2.60\Delta RFG_{t-1} - 1.02\Delta PT_{t-1} + 2.00\Delta INCT_{t-1} - 1.16\Delta DST_{t-1}$$

$$[0.77] \quad [-1.06] \quad [1.10] \quad [-1.13]$$

$$R^2 = 0.67$$

$$\text{Akaike AIC} = 3.040536$$

$$\Delta INCT = -0.42 + 0.43\Delta RFG_{t-1} + 0.10\Delta PT_{t-1} + 0.014\Delta OT_{t-1} + 0.22\Delta DS_{t-1}$$

$$\begin{matrix} [1.35] & [1.13] & [0.64] & [2.33] \end{matrix}$$

$$R^2 = 0.98$$

$$\text{Akaike AIC} = -1.703753$$

$$\Delta DS = -3.26 + 0.89\Delta RFG_{t-1} - 0.21\Delta PT_{t-1} - 0.05\Delta OT_{t-1} - 0.14\Delta INCT_{t-1}$$

$$\begin{matrix} [0.82] & [-0.67] & [-0.64] & [-0.24] \end{matrix}$$

$$R^2 = 0.88$$

$$\text{Akaike AIC} = 0.771515$$

Berdasarkan persamaan yang pertama, persamaan hasil kerajaan persekutuan, menunjukkan bahawa pengurangan 1 peratus dalam perubahan cukai petroleum akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan sebanyak 0.07. Peningkatan 1 peratus dalam perubahan cukai lain-lain akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan sebanyak 0.02. Pengurangan dalam perubahan cukai pendapatan akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan sebanyak 0.195. Pengurangan dalam perubahan duti setem akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan sebanyak 0.069. Di mana nilai pekali penentu ( $R^2$ ) adalah bersamaan dengan 0.97. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 97 peratus perubahan hasil kerajaan persekutuan dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Nilai Akaike AIC adalah -1.385583.

Berdasarkan persamaan yang kedua, persamaan cukai petroleum, menunjukkan bahawa peningkatan 1 peratus dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai petroleum sebanyak 3.15. Peningkatan 1 peratus dalam perubahan cukai lain-lain akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai petroleum sebanyak 0.03. Pengurangan dalam perubahan cukai pendapatan akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan cukai petroleum sebanyak 1.17. Pengurangan dalam perubahan duti setem akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan cukai petroleum sebanyak 0.54. Di mana nilai pekali penentu ( $R^2$ ) adalah bersamaan dengan 0.89. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 89 peratus perubahan cukai petroleum dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Nilai Akaike AIC adalah 0.487431.

Berdasarkan persamaan yang ketiga, persamaan cukai lain-lain, menunjukkan bahawa peningkatan 1 peratus dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai lain-lain sebanyak 2.60. Pengurangan 1 peratus dalam perubahan cukai petroleum akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan cukai lain-lain sebanyak 1.02. Peningkatan 1 peratus dalam perubahan cukai pendapatan akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai lain-lain sebanyak 2.00. Pengurangan dalam perubahan duti setem akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan cukai lain-lain sebanyak 1.16. Di mana nilai pekali penentu ( $R^2$ ) adalah bersamaan dengan 0.67. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 67 peratus perubahan cukai lain-lain dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Nilai Akaike AIC adalah 3.040536.

Berdasarkan persamaan yang keempat, persamaan cukai pendapatan, menunjukkan bahawa peningkatan 1 peratus dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai pendapatan sebanyak 0.43. Peningkatan 1 peratus dalam perubahan cukai petroleum akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai pendapatan sebanyak 0.10. Peningkatan dalam perubahan cukai lain-lain akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai pendapatan sebanyak 0.014. Peningkatan dalam perubahan duti setem akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan cukai pendapatan sebanyak 0.22. Di mana nilai pekali penentu ( $R^2$ ) adalah bersamaan dengan 0.98. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 98 peratus perubahan hasil kerajaan persekutuan dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Nilai Akaike AIC adalah -1.703753.

Berdasarkan persamaan yang kelima, persamaan duti setem, menunjukkan bahawa peningkatan 1 peratus dalam perubahan hasil kerajaan persekutuan akan menyebabkan peningkatan dalam perubahan duti setem sebanyak 0.89. Pengurangan 1 peratus dalam perubahan cukai petroleum akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan duti setem sebanyak 0.21. Pengurangan dalam perubahan cukai lain-lain akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan duti setem sebanyak 0.05. Pengurangan dalam perubahan cukai pendapatan akan menyebabkan pengurangan dalam perubahan duti setem sebanyak 0.14. Di mana nilai pekali penentu ( $R^2$ ) adalah bersamaan dengan 0.88. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 88 peratus perubahan hasil kerajaan persekutuan dipengaruhi oleh pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan. Nilai Akaike AIC adalah 0.771515.

Berdasarkan ujian VAR, hasilnya dapat dilihat bahawa berdasarkan kelima-lima persamaan di atas, dapat disimpulkan bahawa hanya satu persamaan sahaja yang mempunyai perhubungan dalam jangka panjang yang terbaik iaitu sebanyak 98 peratus bagi persamaan cukai pendapatan. 98 peratus ini menunjukkan bahawa, persamaan ini mempunyai hubungan yang sangat kuat di antara pembolehubah-pembolehubah lain di mana Akaike AIC adalah  $-1.703753$ , ujian statistik-t bagi pembolehubah hasil kerajaan persekutuan, cukai petroleum, lain-lain cukai dan duti setem masing-masing adalah 1.35, 1.13, 0.64 dan 2.33..

Manakala, persamaan cukai lain-lain mempunyai perhubungan dalam jangka panjang yang sangat lemah iaitu hanya sebanyak 67 peratus. 67 peratus ini menunjukkan bahawa persamaan ini mempunyai hubungan yang sangat lemah di antara pembolehubah-pembolehubah lain di mana Akaike AIC adalah  $3.040536$ , ujian statistik-t bagi pembolehubah hasil kerajaan persekutuan, cukai petroleum, cukai pendapatan dan duti setem masing-masing adalah 0.77,  $-1.06$ , 1.10, dan  $-1.13$ .

#### **4.6 UJIAN SEBAB-AKIBAT VAR (UJIAN WALD)**

Pengkaji mendapati hanya terdapat hubungan jangka masa pendek antara semua pembolehubah. Untuk menguji sama ada wujudnya hubungan jangka masa pendek tersebut, pengkaji telah melaksanakan ujian sebab-akibat VAR (Ujian Wald). Ujian sebab-akibat VAR (Ujian Wald) dijalankan adalah dengan menggabungkan ujian statistik-F untuk tidak memasukkan pembolehubah daripada satu persamaan yang telah diilustrasikan dalam struktur matrik mudah. Hasil keputusan analisis wald dalam bentuk jadual yang lengkap dapat diperhatikan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.3: Ujian Sebab-Akibat VAR (Ujian Wald)**

|      | RFG                  | PT                   | OT                   | INCT                 | DS                   |
|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| RFG  | -                    | 11.05383<br>(0.0009) | 0.586709<br>(0.4437) | 1.814387<br>(0.1780) | 0.664849<br>(0.4149) |
| PT   | 0.478928<br>(0.4889) | -                    | 1.115827<br>(0.2908) | 1.275016<br>(0.2588) | 0.447939<br>(0.5033) |
| OT   | 0.627684<br>(0.4282) | 0.243411<br>(0.6218) | -                    | 0.415607<br>(0.5191) | 0.406336<br>(0.5238) |
| INCT | 1.010326<br>(0.3148) | 5.552521<br>(0.0185) | 1.216496<br>(0.2700) | -                    | 0.058074<br>(0.8096) |
| DS   | 0.374799<br>(0.5404) | 3.512072<br>(0.0609) | 1.274209<br>(0.2590) | 5.444183<br>(0.0196) | -                    |

Melalui dapatan kajian di atas, didapati bahawa hasil kerajaan persekutuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bebas iaitu pada aras keertian 1 peratus. Hasil kerajaan persekutuan juga turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan cukai petroleum iaitu pada aras keertian 1 peratus. Selain itu, cukai pendapatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan cukai lain-lain pada aras keertian 1 peratus. Duti setem juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan cukai pendapatan iaitu pada aras keertian 1 peratus. Jelas menunjukkan di sini terdapat hubungan jangka masa pendek antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.



## 4.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil keputusan kajian ini secara tidak langsung telah dapat mengupas segala yang ingin dilihat dan objektif kajian serta persoalan kajian yang dikemukakan di awal kajian. Selain itu, keputusan penganggaran dengan menggunakan model utama serta terjemahan model dan kupasan bernas dalam bentuk ekonometrik telah banyak memberi implikasi terhadap pembentukan dasar kajian. Malahan kebanyakan ujian yang dilakukan juga mempunyai kekuatannya tersendiri berbanding kajian-kajian sebelum ini. Selain itu, ia juga mampu mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kajian-kajian sebelum ini. Oleh itu, analisis data dan pemboleh ubah dengan perisian yang tepat adalah penting dan sangat mempengaruhi keputusan kajian untuk memperoleh satu kajian yang menggambarkan apa yang dikaji. Kesimpulannya, pemboleh ubah yang digunakan menepati ciri-ciri kajian.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

LHDNM mula dikenali sebagai Pejabat cukai pendapatan dan kemudiannya ditukar kepada JHDN pada tahun 1957 pada 1 Mac 1996. JHDN telah dilembagakan bawah Akta LHDNM 1995 (Akta 533). Akta LHDNM 1995 menyenaraikan semua fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan kepada LHDNM khususnya bertindak sebagai ejen kerajaan dalam mentadbir, pentaksir, memungut dan menguatkuasakan pembayaran semua jenis cukai yang ditadbir.

Antara Fungsi-fungsi LHDNM ialah bertindak sebagai ejen kerajaan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan cukai lain-lain yang dipersetujui antara kerajaan dan lembaga, menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan pencukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan tentang perkara-perkara tersebut, dan melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Pada tahun 2000, LHDNM telah mencatatkan kutipan cukai sejumlah RM29.17 bilion iaitu peningkatan yang telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 7.5 peratus dalam belanjawan 1999, kerajaan telah menetapkan untuk melepaskan cukai ke atas pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 kecuali pendapatan dividen (iaitu bagi tahun taksiran 2000 tahun sebelum) supaya tidak membebankan pembayaran cukai dalam tempoh peralihan Sistem Taksiran Tahun Sebelum kepada Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS). Ini bermakna mulai tahun 2000, pembayar cukai membuat bayaran cukai adalah berdasarkan kepada pendapatan yang diterima dalam tahun semasa kecuali bayaran cukai pendapatan bagi petroleum.

Langkah ini telah memastikan aliran tunai kerajaan melalui cukai langsung yang menggambarkan ekonomi semasa. Di samping meneruskan program tahunan penaksiran, pungutan dan penguatkuasaan, LHDNM telah mempergiatkan usaha memperbesarkan asas pencukaian melalui aktiviti tinjauan luar, meningkatkan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai melalui aktiviti khidmat pelanggan dan audit cukai, serta memastikan keberkesanan penguatkuasaan melalui aktiviti penyiasatan dan perisikan.

## **5.2 CADANGAN PENYELESAIAN**

### **1) Strategi Pelaburan Sektor Swasta**

Sektor swasta memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Untuk terus menyokong peranan sektor swasta, kerajaan akan memastikan pelaksanaan dasar dan langkah mesra perniagaan di samping penyediaan persekitaran yang lebih kondusif. Dari sudut percukaian, pelbagai insentif dan elaun cukai telah disediakan dan sentiasa disemak dari masa ke semasa di mana pengumuman berkaitan dengannya akan disebut ketika pembentangan belanjawan oleh menteri kewangan pada setiap tahun. Kesan yang diharapkan daripada dasar ini adalah agar pihak kerajaan dapat menarik lebih banyak pelaburan sektor swasta sekaligus dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat selain memberi pulangan pendapatan untuk negara.

### **2) Tindakan Pematuhan dan Penguatkuasaan**

Dalam menguatkuasakan Akta Cukai Pendapatan dan mengutip cukai dengan tepat dan betul maka pihak LHDNM telah menyediakan pasukan penyiasat yang cekap dan mempunyai komitmen yang tinggi serta sentiasa dapat mengikuti perkembangan trend masa kini berkaitan dengan semua aspek percukaian. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan manipulasi dan penyelewengan yang mungkin dilakukan oleh pembayar cukai.

### 5.3 RUMUSAN KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat beberapa pembolehubah bebas yang digunakan seperti cukai petroleum, cukai pendapatan, duti setem dan cukai lain-lain. Berdasarkan keputusan yang diperolehi dari kajian ini, hasil kerajaan persekutuan mampu mempengaruhi struktur ekonomi sesebuah negara. Kesan pungutan hasil kerajaan persekutuan dapat diterangkan dalam dua keadaan iaitu dalam jangka masa pendek dan dalam jangka masa panjang. Bagi membuktikannya, pengkaji telah melaksanakan beberapa kajian seperti Ujian Kointegrasi, Analisis Keputusan Vector Auto Regression (VAR) serta ujian sebab-akibat VAR. Bagi ujian Kointegrasi menunjukkan bahawa pengkaji gagal menolak hipotesis nol di mana ia menunjukkan wujudnya sekurang-kurangnya dua kointegrasi antara pembolehubah yang digunakan serta mempunyai keseimbangan jangka masa panjang antara pembolehubah.

Bagi analisis Keputusan Vector Auto Regression (VAR) pula, terdapat hanya satu persamaan sahaja yang mempunyai perhubungan dalam jangka panjang yang terbaik iaitu sebanyak 98 peratus bagi persamaan cukai pendapatan iaitu:

$$\Delta INCT = -0.42 + 0.43\Delta RFG_{t-1} + 0.10\Delta PT_{t-1} + 0.014\Delta OT_{t-1} + 0.22\Delta DSt_{t-1}$$

[1.35]                      [1.13]                      [0.64]                      [2.33]

Kemudian, ujian sebab-akibat VAR pula menunjukkan bahawa Jelas menunjukkan di sini terdapat hubungan jangka masa pendek antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Secara keseluruhannya, LHDNM berperanan untuk memungut hasil Kerajaan Persekutuan di mana LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan di dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan lembaga.

## 5.4 KESIMPULAN

Dalam era kecanggihan teknologi maklumat dan transaksi tanpa sempadan, LHDNM bukan sahaja berhadapan dengan cabaran isu-isu semasa malah cabaran-cabaran baru yang timbul kesan daripada globalisasi. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani secara bijaksana melalui tenaga kerja berpengalaman dan bertindak proaktif di dalam mempelajari perkara-perkara baru di samping menjadikan perkara yang telah berlaku sebagai panduan dan iktibar, agar ejen pemungut cukai ini dapat berada di landasan yang betul di dalam menjalankan peranannya mentadbir cukai untuk negara selari dengan polisi dan perundangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Perkembangan cukai langsung menunjukkan peningkatan setiap tahun dan ini telah menunjukkan keberkesanan dan kecekapan LHDNM di dalam memungut hasil negara. Pihak LHDNM mengambil beberapa langkah yang proaktif bagi meningkatkan kutipan cukai langsung di dalam memungut hasil kerajaan Persekutuan. Terdapat 10 langkah atau program yang boleh dijalankan dan dilaksanakan oleh LHDNM iaitu program kecemerlangan prestasi LHDNM, program pematuhan, program penguatkuasaan, program pelanggan, program perkhidmatan berasaskan elektronik (e-perkhidmatan), program pemantauan dan pengukuran prestasi, program pembangunan modal insane, indikator kecekapan kos pungutan dan ejen pemungutan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).



## **RUJUKAN**

Laporan Ekonomi 1996-2005, Kementerian Kewangan dan Penyata Hasil Tahunan Jabatan Pungutan LHDNM.

Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Penyata Hasil Tahunan Jabatan Pungutan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Rancangan Malaysia kelapan (RMK-8)

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

Unit Perancangan Ekonomi (EPU)

Metin M. Cosgel (2006), Taxes, efficiency, and redistribution: Discriminatory taxation of villages in Ottoman Palestine, Southern Syria, and Transjordan in the sixteenth century, *Explorations in Economic History* 43, 332-356.

Marco Battaglini a, Stephen Coate b (2008), Pareto efficient income taxation with stochastic abilities, *Journal of Public Economics* 92, 844-868

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA PENERAJU HASIL KERAJAAN - SAKINAH BINTI MOHD REPANGI